

Jilid I  
Bil. 94



Hari Selasa  
24hb November, 1987

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 15489]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.33 [Ruangan 15543]

Maksud B.34 [Ruangan 15570]

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.33 [Ruangan 15543]

Maksud P.34 [Ruangan 15570]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL. P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

- .. Menteri Pengangkutan. DAIO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- .. Menteri Kerjaraya, DAIO' S. SAMY VELLU. S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- .. Menteri Perusahaan Utama. DAIO' DK LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).
- .. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL. S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK. P.N.B.S. (Kanowit).
- .. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD. S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- .. Menteri Pertanian, DAIUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan. TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P.. D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.. S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S.. K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam. DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. YUANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan. DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAI WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO" Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO" MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian. DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh. DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIHIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan. DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
  - .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
  - .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
  - .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
  - .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
  - .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OIHMANN BIN ABDUL (Pendang).
  - .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BINJAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
  - .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
  - .. TUAN ABDOL MULO AWANG DAMIT (Labuan).
  - .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
  - .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
  - .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR. D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
  - .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
  - .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAK (Marang).
  - .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
  - .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
  - .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
  - .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
  - .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
  - .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
  - .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
  - .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S.. P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KEI WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD. A.M.N.. P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Benderu).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Subak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBKAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBKAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMAKU/AMAN BIN HAJI AHMAD. D.P.M.S., J.M.N.. A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I.. K.M.N.. A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOKEJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, pj.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LAIUFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAt (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- .. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAK (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHAKI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.I., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.H.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 24hb November, 1987

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timhalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PENGUNAAN BARANG-  
BARANG TEMPATAN**

**1. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sallan** minta Menteri Kewangan menerangkan sama ada beliau sedar huhawa pembekalan kontrak paip yang diimport dari luar negeri bagi Jabatan JKR dan PETRONAS adalah merugikan negara dari segi tukar wang asing juga dari segi pertumbuhan industri dan industri sampingan:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan "Buatan Malaysia" sebagai syarat tawaran kontrak bagi kedua-dua Jabatan berkenaan pada masa-masa akan datang; dan
- (b) nyatakan juga perbelanjaan yang terlibat untuk tahun-tahun 1984, 1985, 1985 dan 1987 bagi pengimportan paip-paip ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan memang menekankan penggunaan barang-barang tempatan

dalam projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh itu dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan barang-barang tempatan, adalah menjadi peraturan dalam perolehan Kerajaan bahawa barang-barang keluaran ataupun buatan tempatan adalah diberi keutamaan sehingga 20% daripada harga barang-barang buatan asing dengan syarat kualiti barang-barang buatan tempatan adalah memuaskan. Peraturan ini telah dilaksanakan semenjak negara ini mencapai kemerdekaan. Keutamaan sebanyak 10% telah diberikan mulai 19hb Ogos, 1983 dan seterusnya dinaikkan kepada 20% mulai 4hb Mac, 1986. Ini didapati sangat berkesan untuk menggalakkan penggunaan barang-barang tempatan.

Berasaskan peraturan yang telah disebutkan itu, JKR telah menggunakan sebahagian besar paip buatan tempatan seperti asbestos-cement paip, steel pipe, dengan izin, dan sebagainya. Hanya terdapat satu jenis paip sahaja yang diimport, iaitu, dengan izin, "ductile iron pipe". Ianya digunakan di tempat-tempat di mana didapati penggunaannya adalah perlu dari segi teknikal dan ianya didapati, dengan izin, economic. Misalnya, paip dari jenis ini adalah sesuai untuk keadaan tanah yang lembut dan, dengan izin, corrosive, seperti yang terdapat di bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia. Dalam tahun 1984, kadar harga "ductile iron pipe" yang diimport itu adalah lebih kurang 10% lebih tingginya, dengan izin, dari

mild steel pipe buatan tempatan, tetapi kos untuk menanam ductile iron pipe itu adalah lebih kurang 30% lebih murah daripada kos menanam mild steel pipe. dengan izin. Ini menjadikan penggunaan ductile iron pipe lebih ekonomik. Sungguhpun demikian. dengan kenaikan nilai matawang Yen dan Duetchmark kebelakang ini, kadar harga bagi ductile iron pipe yang diimport itu adalah lebih kurang dua setengah kali lebih mahal dari mild steel pipe yang dibuat di Malaysia. Dengan yang demikian, penggunaan tidak lagi diutamakan oleh Jabatan Kerjaraya.

PETRONAS telah mengimport paip untuk kegunaan operasi petroleum. Walaupun begitu, keadaan ini tidaklah boleh dianggap sebagai merugikan tukaran wang asing kerana tidak ada syarikat tempatan pada masa ini yang berkeupayaan dari segi teknikal untuk mengeluarkan paip-paip untuk industri petroleum. Industri petroleum melibatkan penggunaan teknologi dan risiko operasi yang tinggi. Kesemua bahan-bahan dan peralatan-peralatan yang diperlukan termasuk paip, perlu memenuhi spesifikasi teknikal tentang mutu dan kualiti dan taraf keselamatannya. PETRONAS akan mempertimbangkan penggunaan paip-paip buatan Malaysia di masa akan datang sebaik sahaja paip-paip tempatan dapat memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua. setakat ini nilai paip-paip yang diimport oleh JKR dan PETRONAS adalah seperti berikut:

tahun	JKR	PETRONAS
1983	\$ 766,123 00	--
1984	\$3,208,230 30	\$ 50,200,000 00
1985	\$ 150,423 48	\$ 77,900,000 00
1986	\$ 47,922 60	\$ 58,300,000 00
1987	--	\$ 67,500,000 00
Jumlah	\$4,172,699 38	\$253,900,000,00

Dari angka-angka ini jelas sekali bahawa penggunaan paip luar negeri oleh JKR telah berkurangan dengan banyaknya dan pada tahun 1987 tidak ada tangsung.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd.**

**Hassan:** Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada mengatakan. dengan izin, preference would be granted to local manufacturers. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa perbadanan-perbadanan yang besar-besar seperti RTM, PETRONAS. LLN, JKR dan STMB masih lagi mempunyai sikap ataupun attitude "Buy Malaysian last". Jadi, adakah Timbalan Menteri berkenaan akan memberi arahan yang tegas supaya mereka sentiasa membeli barang-barang buatan Malaysia? Kalau semua barangan-barangan ini diambil dari Jerman Amerika Syarikat ataupun lain-lain negeri. kita dapati bahawa jika satu paip berlubang sempit hendak direpair terpaksa kita memanggil jurutera-jurutera dari Jerman dan ini menyusahkan rakyat Malaysia yang menggunakan barang-barang tertentu.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, teguran daripada Yang terhormat dari Larut akan diambil perhatian.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menyatakan bahawa keutamaan akan diberi kepada kegunaan bahan-bahan tempatan tetapi saya sendiri masih menerima aduan daripada pengilang-pengilang tempatan bahawa projek-projek Kerajaan masih terus menggunakan bahan-bahan yang diimport. Contohnya Ibu Pejabat MAS di Kuching yang menggunakan ceramic tiles yang diimport dari Jepun. Walaupun sebuah kilang yang

mengeluarkan ceramic tiles yang memakan pelaburan \$15 juta telah pun wujud dan mengeluarkan ceramic tiles yang bermutu tinggi yang lebih murah, tetapi Kerajaan masih terus menggunakan ceramic tiles dari Jepun. Maka soalan saya ialah bagaimanakah akan pihak Kerajaan memastikan bahan-bahan itu akan ditentukan oleh pihak perunding (consultant) apabila mereka menyediakan design untuk projek-projek membina bangunan di negara kita.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai garis panduan-garis panduan tertentu mengenai cara bagaimana kita mengendalikan hal-hal yang ditegurkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching. insya Allah kalau sekiranya ada teguran-teguran yang seperti ini. insya Allah kita akan ambil perhatian.

**Tuan Mohamed Sam bin Haji**

**Sailan:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa PETRONAS mengimport lebih kurang 200 juta paip dalam masa empat tahun. Soalannya ialah panggilan kontrak kepada paip ini dibuat mengikut specification dan agak sukar bagi industri tempatan mengeluarkan paip-paip itu kiranya yang membelinya hanya PETRONAS sahaja. Jadi. boleh atau tidak pihak Kerajaan ataupun pihak PETRONAS mengeuarkan spesifikasinya terlebih awal, katakan dua, tiga tahun dan mengarahkan kepada industri-industri tempatan untuk membuat persiapan awal agar 200 juta paip dalam masa empat tahun itu dapat dibuat oleh industri tempatan dan industri sampingan akan wujud.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat dari Muar maklum bahawa

teknologi dan risiko operasi untuk industri petroleum adalah tinggi dan untuk mengadakan satu kilang untuk mengeluarkan paip-paip tempatan bukannya murah. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat kita sudahpun menggalakkan beberapa syarikat-syarikat tempatan untuk membuka kilang-kilang tertentu seperti untuk supply beberapa bahan-bahan tempatan yang digunakan oleh LLN dan sebagainya untuk menggalakkan supaya perkembangan bidang pembuatan itu diperkembangkan dan akhirnya mungkin mengambilalih pengimportan, tetapi ini mungkin mengambil masa yang panjang. Walau bagaimanapun, spesifikasi-spesifikasi yang dikeluarkan itu sudah tentu diketahui oleh pihak-pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, jika sekiranya ada pihak-pihak yang ingin tahu lebih lanjut berkenaan dengan spesifikasi paip-paip yang digunakan oleh PETRONAS bolehlah pihak Yang Berhormat mendapatinya daripada pihak yang berkenaan.

## KEMUDAHAN ASAS DI LADANG-LADANG

**2. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau bercadang membantu ladang-ladang seluruh negara kita untuk mendapatkan kemudahan asas seperti elektrik, air dan jalan kerana buruh-buruh yang bekerja di ladang-ladang ini telah dinafikan kemudahan asas walaupun kita telah merdeku 30 tahun yang lalu. Kalau tidak apakah rancangan yang dibuat untuknya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar perlunya diadakan berbagai kemudahan asas untuk

keselesaian penduduk-penduduk di kawasan luar bandar termasuk pekerja-pekerja ladang, Walau bagaimanapun, peruntukan pembangunan bagi kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air dan jalan kampung yang dikendalikan oleh Kementerian saya adalah untuk kampung-kampung tradisional termasuk juga kampung-kampung baru di kawasan luar bandar.

Bagi kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang pula adalah tanggungjawab pihak pengurusan ladang berkenaan untuk menyediakan segala kemudahan asas bagi keselesaan pekerja-pekerja mereka. Kerajaan memandang berat mengenai perkara ini dan sentiasa meminta kerjasama pihak pengurusan ladang supaya mengadakan kemudahan asas yang sempurna di ladang-ladang mereka.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih di atas kepentingan yang telah diberi oleh Kerajaan berkaitan dengan pembekalan kemudahan asas kepada ladang-ladang. Tetapi saya ingm dapat tahu sejak kemerdekaan berapalah ladang-ladang yang telah pun dipaksa oleh Kerajaan untuk membekalkan air dan elektrik dan juga kemudahan-kemudahan asas lain.

Juga saya ingin dapat tahu sejak penswastan pembekalan air kepada Antah Biwater, adakah syarat-syarat yang telah dikena di dalam penswastan ini untuk pembekalan air kepada ladang-ladang tersebut?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan nombor satu, angka ladang-ladang yang mana pengurusannya telah membekalkan inirastruktur tidaklah ada pada saya, tetapi mengikut penyiasatan isi rumah

1984 (household income survey 1984) kita hanya mendapati liputan bekalan infrastruktur seperti berikut:

<i>Bekalan Elektrik</i>	<i>Bekalan air</i>
96.8%	74.1%

yang telah pun dibekalkan kepada ladang-ladang.

Untuk soalan yang kedua, sama ada Antah Biwater dikenakan syarat untuk membekalkan air di luar bandar, itu adalah di luar bidang Kementenan saya.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya selalu dengar daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa walaupun kita menghadapi kemelesetan ekonomi, kemudahan asas harus diberi kepada kawasan luar bandar. Soalan saya ialah sejauh manakah Kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengikuti arahan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan berapa peratus di seluruh Peninsular Malaysia sekarang belum dapat bekalan elektrik.

Soalan yang akhir, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kampung-kampung di kawasan Keluang belum dapat bekalan elektrik?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kementerian saya menjaga pembangunan di luar bandar. Selaras dengan jaminan Timbalan Perdana Menteri memanglah Kementerian memberikan penumpuan pembangunan luar bandar. Tetapi seperti Ahli Yang Berhormat nyatakan tadi negara kita sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Walaupun kita menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi itu, kalau kita lihat Budget yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Kerajaan masih memperuntukkan 2/3 daripada peruntukannya untuk pembangunan luar bandar.

Berkenaan dengan perkara kedua iaitu bekalan elektrik di seluruh negara, saya telah pun pernah menjawabnya di Dewan yang mulia ini bahawa liputan bekalan elektrik telah mencapai 70% di seluruh negara kita. Berkenaan dengan bekalan elektrik yang tidak kedapatan di kawasan Kluang, bolehlah Yang Berhormat menyalurkan permohonan ini ke peringkat daerah. kerana ianya selalu mengikut salurannya dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan apabila telah sampai diputuskan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah akan dihantar kepada negeri dan negeri akan menghantar kepada Kementerian dan apabila sampai ke Kementerian. isnya Allah, saya akan turut memberikan tumpuan kepada permohonan Yang Berhormat.

### MAKANAN DARI LUAR NEGERI—MENGURANGKAN

3. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengurangkan pengimportan makanan dari luar negeri supaya mengurangkan aliran wang pertukaran ke luar negeri sebanyak \$3 bilion setahun;
- (ii) memberitahu 5 jenis makanan import yang terbesar dan kos pengimportannya bagi tahun 1986.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee);** Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengurangkan pengimportan makanan antara lain ialah:

- (a) Menyekat pengimportan (atau tidak dibenarkan mengimport)

barangan makanan seperti semua jenis susu cair, daging ayam dan telur ayam;

- (b) Mengawal kuota pengimportan barangan makanan seperti kobis bulat, biji kopi (tidak digoreng) dan daging lembu (dari India);
- (c) Kerajaan mengenakan 5% cukai jualan ke atas sebahagian besar barangan makanan yang diimport;
- (d) Mengadakan program pengeluaran bagi barangan makanan yang dikawal pengimportannya seperti susu cair, daging lembu, daging ayam, telur ayam, kobis bulat dan kopi. Program ini terdapat di dalam Pelan Pengeluaran Makanan yang dilaksanakan oleh Kementerian;
- (e) Melancarkan kempen menggalakkan orang ramai menukar tabiat dengan memakan lebih banyak barangan makanan keluaran tempatan seperti kempen susu segar, sayuran/ulam dan buah-buahan;
- (f) Melaksanakan program baru seperti penangkapan ikan laut dalam dan menternak biri-biri di ladang getah dan kelapa sawit;
- (g) Menggalakkan pengeksportan ayam, buah-buahan, sayuran dan sebagainya yang mana kita boleh mengeluarkannya secara lebih ekonomik dan murah;
- (h) Menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri menyediakan tanah yang secukupnya sebagai usaha untuk menambahkan pengeluaran barangan makanan.

Bagi mewujudkan imbangan perdagangan yang seimbang adalah menjadi dasar Kerajaan bukan sahaja untuk mengurangkan import barangan

makanan tetapi bagi barangan makanan yang tidak dapat dikeluarkan dengan kos yang rendah, maka Kerajaan terpaksa menambahkan jumlah eksport bagi lain-lain barangan makanan yang berpotensi. Sehubungan dengan itu jumlah import bersih (trade deficit) barangan makanan dan minuman bagi tahun 1985 ialah \$1,488.4 juta, manakala bagi tahun 1986 nilainya telah menurun kepada \$996.1 juta dan keadaan ini terus menurun kepada \$313.5 juta bagi tempoh masa 8 bulan yang pertama tahun 1987. Angka ini jelas menunjukkan bahawa usaha Kerajaan untuk mengurangkan pengimportan barangan makanan dari luar negeri telah mencapai matlamatnya.

Untuk menjawab soalan kedua. 5 jenis makanan import yang terbesar kosnya bagi tahun 1986 ialah:

- |  |              |
|--|--------------|
| (a) Gula mentah .. ..  | \$344.9juta  |
| (b) Barangan perikanan ..  | 1328.2 juta  |
| (c) Sayuran dan persediaan   | \$281.1 juta |
| (d) Hasil-hasil tenusu ..  | \$246.0 juta |
| (e) Buah-buahan dan bijiran<br>makanan termasuk<br>pengawitan dan persediaan | \$231.6juta  |

**Tuan Sim Kwang Yang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut ikan sebagai satu jenis makanan yang diimport yang terbesar dari kosnya iaitu sebanyak \$300 juta dan seperti yang semua orang maklum, Malaysia adalah sebuah negara yang berpantai yang merupakan, dengan izin, coastal nation. Kenapa perkara ini berlaku, kenapa negara kita tidak dapat mencapai, self sufficiency, dengan izin, dalam pembekalan makanan ikan dan di samping menggalakkan perikanan laut dalam sahaja, apakah langkah yang lain akan diambil supaya cara-cara menangkap dan memasarkan ikan yang ada sekarang dapat diperluaskan dan diperkembangkan?

**Dato' Alexender Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kami mengimport barangan perikanan sejumlah \$328.2 juta di tahun 1986, tetapi di tahun yang sama kita telah mengeksport \$339.9 juta, maknanya kita dapat satu trade surplus untuk barangan perikanan. Kita mengimport ikan kebanyakannya ikan yang kos rendah dan kita eksport ikan yang kos mahal ke Singapura, Hong Kong dan lain-lain negara dan sebab itulah kita ada trade surplus untuk barangan perikanan. Untuk soalan kedua, apakah langkah-langkah yang kita ambil iaitu kita menggalakkan penangkapan ikan di laut dalam; kedua, kita menambahkan ikan di kawasan pantai iaitu mengikut rancangan tukun tiruan; dan ketiga, kita menggalakkan menternak ikan dan udang.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Soalan tambahan. Saya terlebih dahulu mengucapkan syabas kepada Kementerian kerana berjaya dalam segi pengimportan makanan ke negara kita, tetapi kalau kita lihat dari sudut pengimportan jagung yang bernilai \$100 juta setahun, sejauh manakah sebagai ganti mengurangkan import untuk menggantikan kekurangan barangan yang ada dengan menanam jagung di sini, sejauhmana dan berapa luas kawasan jagung yang ditanam dan jumlah kuantiti yang dikeluarkan bagi mengganti import jagung?

Kedua, saya difahamkan banyak kempen yang telah dilancarkan. termasuklah ulam yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi apa "significant"nya kempen makan ulam ini, kerana saya difahamkan ulam ini bukan boleh dimakan banyak sangat, dia ada certain limit. dengan izin, dan lebih daripada itu sakit perut (cirit). Tetapi kalaulah kenipen makan ulam ini untuk mengurangkan makan nasi. saya rasa bercanggah kerana kalau makan ulam lagi banyak makan nasi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Untuk menyedap makan.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Jadi apakah "significant"nya kempen makan ulam ini?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya negara kita mengimport jagung berharga \$400 juta setahun. Kalau kita hendak gantikan import ini kita perlukan 150,000 hektar tanah untuk menanam jagung. Tetapi mengikut kajian Kementerian saya kos pengeluaran jagung di negara kita sangat mahal dan kita tidak boleh sampai sekarang dapat satu cara yang mana kita boleh mengeluarkan jagung di bawah kos 40 sen sekilo manakala dibandingkan kos yang kita import iaitu 25 sen sekilo dan kalau kita memerlukan penternak-penternak membeli jagung tempatan maknanya ternakan kita tidak boleh dieksport ke negara-negara yang lain.

Soalan kedua berkenaan ulam, apa yang significant ialah kita hendak mengurangkan import. Seperti yang saya sebutkan tadi import-import sayuran berjumlah \$281 juta dan mahal dan kalau kita makan ulam tempatan pertama ini kita boleh mengurangkan import.

**Tuan Mohamed bin Haji Isa:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi kita telah mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kita terpaksa mengimport nilai ikan yang berharga \$328.2 juta setahun dan usaha-usaha dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan ikan di negara kita telah pun dijalankan tetapi saya dapati masih banyak ikan-ikan yang dibawa masuk daripada negeri Thailand sama ada dengan cara halal atau cara haram, soalnya yang pertama bilakah dan adakah Kerajaan bercadang untuk melarang ataupun menyekat kemasukan ikan-ikan daripada negeri Thailand.

Yang kedua hari ini kita dapati Kerajaan mengenakan alau "charge" cukai perkhidmatan sebanyak satu sen bagi satu kilo. Jadi saya ingin tahu adakah Kerajaan akan menaikkan cukai perkhidmatan ataupun charge perkhidmatan itu daripada satu sen kepada kadar yang lebih tinggi untuk memberi peluang pendapatan yang lebih kepada Kerajaan kita?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kemasukan ikan dari Thailand bukan berlaku seluruh tahun dan iaitu mengikut musim tempatan sebab dalam bulan-bulan tertentu kita tidak dapat ikan tempatan khususnya di negeri-negeri utara dan oleh itulah kita perlu mengimport ikan daripada Thailand. Oleh itu kita tidak ada cadangan untuk melarang kemasukan ikan dari Thailand.

Untuk soalan kedua, sebenarnya kita sekarang ada mengenakan cukai dengan kadar satu sen sekilo. Kementerian saya telah pun bercadang meningkatkan cukai ini kepada lima sen sekilo tetapi Kerajaan akhirnya memutuskan mengenakan cukai jualan (sales tax) pada kadar 5%.

## CUKAI JALAN KEPADA MOTOSIKAL

**4. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan** minta Menteri Pengangkutan memberitahu adakah Kementerian tersebut berhasrat untuk mengecualikan cukai jalan kepada motosikal yang kuasanya 75 c.c. ke bawah kerana memandangkan mereka ini adalah berpendapatan keci) di negara kita.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sememangnya memaklumi bahawa kebanyakan pemilik motosikal dengan

kuasa injin 75 c.c. ke bawah adalah terdiri dari mereka yang berpendapatan rendah jika dibandingkan dengan pemilik-pemilik motokar dan kenderaan-kenderaan lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran cukai jalan yang dikenakan bagi motosikal di bawah kategori ini adalah murah berbanding dengan cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan lain iaitu bagi motosikal cuma \$50 setahun dan kadar ini tidak berubah sejak tahun 1976 walaupun harga membeli motosikal itu telah berganda naiknya.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja cukai jalan yang murah bagi motosikal tetapi bayaran-bayaran lain yang dikenakan juga rendah. Sebagai contoh, bayaran untuk pendaftaran baru bagi sebuah motosikal ialah \$5 sahaja dan bayaran untuk pertukaran hak milik ialah \$3 sahaja. Kadar-kadar ini juga tidak berubah bagi tempoh 20 tahun yang lepas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, bilangan motosikal 75 c.c. ke bawah adalah banyak iaitu berjumlah kira-kira 1 juta buah dan kutipan hasil cukai jalan tahunannya adalah di sekitar \$40 juta setahun. Dengan kadar-kadar cukai jalan, bayaran pendaftaran baru dan pertukaran hak milik yang rendah itu, Kerajaan percaya ianya tidaklah menjadi satu beban yang besar kepada pemilik-pemilik motosikal di bawah 75 c.c. Oleh yang demikian Kementerian Pengangkutan tidak berhasrat untuk mengecualikan cukai jalan bagi motosika 175 c.c. ke bawah.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa pihak Kementerian bercadang untuk memberikan kuasa kepada pihak-pihak tertentu untuk menjadikan motosikal 75 c.c. ini sebagai kenderaan pengangkutan awam. Saya ingin tahu bilakah ianya

akan dibuat dan di kawasan mana dan kalau ianya ditakukan bagaimana pula dengan bentuk perubahan cukai.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar mengenai perkara ini dan oleh itu bagi saya tidak ada usaha-usaha sedemikian.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Jawapan Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengecualikan cukai jalan kepada motosikal yang berkuasa 75 c.c. ke bawah. Soalan saya adakah Kementerian bercadang untuk mengurangkan sedikit cukai ini kerana kalau dengan mengurangkan ini sudah barang tentu akan mengurangkan bebanan ke atas mereka yang berpendapatan rendah.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, belum ada cadangan mengurangkan.

## TRIBUNAL DAGANGAN KOMODITI—PUNGI

**5. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah fungsi-fungsi Tribunal Dagangan Barangan yang ditubuhkan dalam tahun 1984. Adakah ia berkesan dalam mengawasi perdagangan Pusat Pertukaran Barangan Kuala Lumpur (KLCE).

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, Tribunal Dagangan Komoditi telah ditubuhkan di bawah Seksyen 60 Akta Dagangan Komoditi 1980. Di bawah Akta tersebut tugas Tribunal ialah untuk menyiasat sebarang aduan terhadap Bursa Komoditi Kuala Lumpur, Lembaga Pengurusannya dan juga tempat penjelasan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Dagangan Komoditi 1980 telah diganti dengan Akta Dagangan Komoditi 1985. Di bawah Akta baru ini bidang kuasa Tribunal Dagangan Komoditi telah diletakkan di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang berfungsi mengawal dan mengawasi segala aktiviti Bursa dan tempat penjelasan dan juga pegawai dan kakitangan agensi-agensi yang berkenaan. Dengan itu Tribunal Dagangan Komoditi telah dimansuhkan apakala Akta Dagangan Komoditi 1985 dikuatkuasakan pada 1hb Mac, 1986.

Semenjak bidang kuasa Tribunal Dagangan Komoditi diletakkan di bawah Suruhanjaya Dagangan Komoditi tidak ada apa-apa aduan terhadap Bursa Komoditi Kuala Lumpur atau tempat penjelasannya ataupun terhadap mana-mana pegawai atau kakitangan kedua-dua organisasi yang tersebut itu.

Saya juga berasa yakin bahawa Suruhanjaya Dagangan Komoditi akan terus dapat mengawal segala aktiviti dan perjalanan Bursa Komoditi Kuala Lumpur dan juga tempat penjelasannya dengan berkesan pada masa kini dan juga pada masa akan datang.

Bagaimanapun pihak Suruhanjaya dari masa ke semasa ada menerima aduan terhadap syarikat-syarikat broker yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya ataupun yang beroperasi secara haram di dalam negara ini tetapi menjalankan urusan niaga komoditi di dalam Bursa di seberang laut. Dalam tahun 1985 pihak Suruhanjaya telah mengambil tindakan terhadap 7 buah syarikat dengan merampas dokumen-dokumen yang berkenaan dan telah diserahkan kepada pihak polis untuk siasatan lanjut.

Menurut maklumat yang ada pada pihak Suruhanjaya, terdapat sebanyak 16 buah syarikat yang tidak berdarah

yang menjalankan perniagaan stock index yang tidak termasuk di dalam bidang kuasa Suruhanjaya. Di samping itu pihak Suruhanjaya juga telah mengambil tindakan terhadap dua buah syarikat berdaftar yang berdagang dengan Bursa di luar negeri kerana kesalahan tidak berjalan menurut peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komoditi.

Pihak Suruhanjaya telah pun mendapat perintah mahkamah untuk membekukan harta benda syarikat-syarikat yang berkenaan dengan tujuan untuk memberi perlindungan kepada orang ramai. Saya ingin menasihatkan orang ramai supaya mengelakkan diri daripada menjalankan urusan niaga komoditi dengan syarikat-syarikat yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya. Sekiranya mereka terus berurusan niaga dengan syarikat-syarikat seperti ini mereka sesungguhnya berbuat demikian atas tanggungan sendiri dan pihak Suruhanjaya tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa juga masalah yang akan timbul.

#### **PENYERAHAN AKAUN TAHUNAN AGENSI KERAJAAN**

**6. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Kewangan menyatakan tindakan tatatertib akan diambil terhadap agensi-agensi Kerajaan yang lambat menyerahkan penyata akaun tahunan dan berikan sebab-sebab mengapa berlakunya kelewatan luarbiasa dan mengapakah amalan ini dibiarkan berterusan sampai hari ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat penyerahan akaun tahunan agensi Kerajaan terkandung dalam Akta Acara Kewangan 1957 yang dikemaskinikan pada tahun 1972 manakala bagi Badan-badan

Berkanun ianya terikat dengan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Menteri yang bertanggungjawab terhadap mana-mana Badan Berkanun akan memastikan bahawa laporan tahunan diserahkan pada masa yang ditetapkan untuk dibentangkan di Parlimen. Atas persetujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan, tempoh penyerahan akaun boleh ditunda ke suatu tarikh yang lain. Kerajaan Persekutuan sedar terdapatnya agensi-agensi Kerajaan yang lewat mengemukakan akaun tahunan masing-masing di tahun-tahun yang lepas. Langkah positif telah diambil bagi memastikan bahawa setiap agensi Kerajaan mematuhi syarat-syarat yang terkandung dalam Akta Badan Berkanun 1980. Berikutan dengan langkah ini, secara keseluruhannya, Badan Berkanun telah pun mengemaskinikan akaun masing-masing dan sebahagian besar akaun tahunan 1986 telah diaudit dan disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, dua buah Badan Berkanun iaitu, Pihak Berkuasa Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah pun mengemukakan akaun tahunan 1986 dalam bentuk draf dan adalah dalam proses auditan. Bagi Instituti Teknologi MARA (ITM) pula, akaun-akaun 1985 dan 1986 adalah dalam proses penyerahan kepada pihak Audit. Kedudukan ini mencerminkan usaha gigih ketiga-tiga Badan Berkanun ini kearah mematuhi syarat-syarat Akta Badan Berkanun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Persekutuan akan terus mengambil langkah positif membantu pihak yang terlibat untuk mempercepatkan lagi penyediaan akaun tahunan mereka untuk diaudit. Hasilnya, kebanyakan akaun Badan

Berkanun telah dikemaskinikan dan sebahagian besar akaun tahunan 1986 telah diaudit dan disahkan.

## UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM MENYELARASKAN

7. **Tuan Mohammad Yusof bin Haji Abdul Latif** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyelaraskan semua undang-undang pentadbiran Agama Islam di negeri-negeri yang tidak beraja yang mana kuasa tertinggi agama terletak pada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, jika ya, bilakah masanya akan dilaksanakan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk menyeragamkan undang-undang dan peraturan dalam pentadbiran hal ehwal Islam dan menyelaraskan pelaksanaannya telah lama dijalankan bukan sahaja bagi negeri-negeri yang ketua agamanya Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong malah bagi semua negeri di Malaysia ini. Inilah salah satu tujuan utama Majlis Raja-raja telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam tahun 1968.

Sementara itu Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam mesyuaratnya pada bulan Oktober tahun 1986 yang lepas telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Pentadbiran Hal Ehwal Islam Bagi Negeri-negeri Yang Ketua Agamanya Yang di-Pertuan Agong dengan tugas untuk mewujudkan keseragaman dalam semua aspek pentadbiran hal ehwal Islam dan menggalakkan perancangan secara bersepadu bagi negeri-negeri tersebut. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuaratnya yang

pertama pada bulan November 1986 dan mesyuarat-mesyuarat berikutnya telah dan akan terus diadakan mengikut jadual iaitu dua kali setahun.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kita dengar jawapan dari Menteri berkenaan mengatakan pihak Jabatannya telah lama berusaha mengkaji dan menyelesaikan masalah ini tetapi saya ingin mengemukakan soalan tambahan kerana perkara ini sudah lama berlaku dan semua pihak sedar terutama sekati Kerajaan tetapi keadaannya masih begitu sampai masa 30 tahun lebih. Jadi, soalan saya, Tuan Pengerusi,. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah masalah penyalarsan ini tidak dapat dilakukan hingga hari ini kerana Kerajaan tidak begitu berminat dan tidak begitu serius dalam usaha. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Serius. Apa serius itu?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** .....tidak begitu serius dalam usaha menyelesaikan masalah ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi; minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua; saya ingatkan peringkat Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu anggota Kabinet 28 orang dan semua bidang ada Menterinya hingga menteri belulang kering, menteri makyong, menteri gobek api pun kata sahabat saya dari Kuala Nerus baru-baru ini, ada. Tetapi saya ingin tahu, adakah pihak Kerajaan dalam usaha hendak menyelesaikan perkara ini bersedia

untuk metantik seorang Menteri agama. Sebab perkara ini amat perlu dan dalam Perlembagaan kita pun Islam sebagai agama Persekutuan. Jadi, saya rasa patut kalau Kerajaan dapat menyediakan Kementerian Agama dan lebih sesuai dengan 28 Kementerian yang ada, sebab Kementerian-kementerian yang ada itu tidak sampai matlamatnya penting sebagaimana agama ini. Dan saya percaya kalaulah ada Menteri Agama, bukan masalah penyalarsan agama Islam sahaja. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Soalannya Yang Berhormat. Jangan buat komen. tanya.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Jadi ringkas soalnya dua perkara. Pertamanya, soalan saya, adakah masa yang terbiar begitu lama kerana Kerajaan tidak begitu serius. Keduanya, adakah Kerajaan bercadang untuk melantik seorang Menteri Agama. Kalau bercadang bila, kalau tidak bercadang mengapa?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang serioh. (*Ketawa*) Tetapi walaupun kita sudah lama serioh. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang peliknya serius pun suka juga. (*Ketawa*)

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Ada juga yang tidak serius. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kalau serius tidak boleh suka, Yang Berhormat. Kena masam muka.

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Kalau serius memang tidak boleh suka, Tuan Yang di-Pertua. tetapi kalau serioh boleh. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah atau tidak saya minta jalan sekejap. Saya kena soal dia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat duduk!

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Susah saya kalau Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab. Saya minta biar orang lain sahaja suka, Menteri yang berkenaan jangan suka. (*Ketawa*) Sebab dia bertanggungjawab, jangan jadi budak-budak. (*Ketawa*)

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya orang yang biasa sebut "seriuh" itu budak-budak (*Ketawa*), tetapi orang dewasa menyebut "serius" (*Ketawa*). Jadi, oleh kerana Kerajaan seriuslah maka masalah penyelarasan ini Kerajaan tidak bermain. Dan kalau Yang Berhormat sendiri sedia maklum, mengikut Islam dan dalam perkembangan sejarah Islam sendiri pun bukan semua perkara yang diselaraskan kerana beberapa perbezaan itu perlu dikekalkan bagi memelihara muslihat orang-orang Islam dan inilah yang berlaku di zaman pemerintahan Islam dahulu. Jadi, kalau sekiranya didapati ada perkara yang belum diselaraskan, ini menunjukkan bahawa Kerajaan lebih Islamic daripada bagaimana yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai dengan Kementerian Mak Yong, Gobek Api ini (*Ketawa*), saya berharap Ahli Yang Berhormat membaca senarai Kementerian dan saya dapati tidak ada senarai Kementerian ini dan Kementerian Agama yang disebutkan itu. saya rasa tidak berbangkit dalam soalan ini.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih

atas jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa pihak Kerajaan Pusat telah lama mengadakan penyelarasan pentadbiran agama Islam di peringkat negeri-negeri. Cuma saya ingin bertanya setelah sekian lama penyelarasan telah dibuat, adakah apa-apa masalah yang boleh menghalang kelicinan penyelarasan yang dijalankan oleh Kerajaan?

Soalan yang kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa masalah Menteri Agama sepertimana yang disuarakan itu adalah bercanggah dengan peruntukan di dalam Perlembagaan negara kita bahawa Raja-raja adalah menjadi Ketua Agama bagi tiap-tiap negeri.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah penyelarasan hal ehwal Islam memang sudah ada perkara-perkara yang telah pun diselaraskan. Di antaranya, mengenai dengan beberapa jenis kegiatan-kegiatan dakwah dan juga kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan penerbitan. Perkara-perkara yang sampai ke hari ini yang kita dapati belum diselaraskan ialah dalam masalah-masalah pendekatan-pendekatan yang berhubung dengan masalah hukum, misalnya seperti penentuan kadar zakat fitrah dan perkara-perkara yang seumpama itu. Yang sebenarnya bukanlah merupakan perkara yang dihalang oleh keadaan tetapi ia sebenarnya perkara-perkara yang telah saya bayangkan tadi ada kaitannya dengan kepentingan masyarakat setempat kerana terdapat perbezaan di antara satu negeri dengan negeri yang lain dari segi "cost of living" bagi penduduk seperti di Kedah misalnya, di mana beras murah sedangkan di Johor kita dapati harga beras berbeza sedikit, maka sudah tentu kadar zakat fitrah berbeza mengikut pendapat yang diberikan oleh para mufti. Dan perkara ini tidaklah disenaraikan sebagai perkara

yang utama mesti diselaraskan dan kerana itulah bila Imam Shafie. . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tak boleh, Yang Berhormat!

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** . . . . bila Imam Shafie r.a. memberikan pandangan-pandangannya, kita dapati beliau sendiri pun ada memberikan perbezaan pendapat; bila berada di Negeri Iraq lain dan bila pergi ke Negeri Mesir lain, kerana ini semuanya perkara-perkara yang perlu difaham berdasarkan kepada roh dan semangat Islam sendiri.

Mengenai dengan masalah Menteri Agama, kuasa perlantikan Menteri memang dalam kuasa Perdana Menteri. Jadi, apa pun Kementerian yang difikir perlu, saya fikir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat menentukan sama ada sesuai ataupun tidak dengan kehendak Perlembagaan.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ini tak tahulah sama ada "serius"kah atau "seriuh"?. Saya tak berani hendak sebut sebab takut salah kerana sekejap tadi disebut oleh Wakil dari Pengkalan Chepa barangkali bahasa dalam Inggerisnya itu tak begitu tepat, sebuah Dewan semua ketawa. Tetapi kalau ada di antara dalam Dewan ini tak betul sebut ayat-ayat Quran. seorang pun tak ada yang ketawa. Soalan saya, penyelarasan pentadbiran di Pejabat-pejabat Agama di antara undang-undang pentadbiran itu adakah dibuat oleh betul-betul pakar-pakar yang tahu hal ehwal agama ataupun dibuat oleh pakar Undang-undang Sivil? Dan

apakah hubungan antara Pejabat Agama dengan Jabatan Perdana Menteri ini, kuasa apakah yang boleh dicampurtangan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri kerana hal ehwal agama ini sebagaimana disebut ialah kuasa Raja-raja.

Yang kedua, adakah. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud:** Itu sudah yang kedua!

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Jadi, yang ketiga, apakah pandangan Yang Berhormat sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan mengetahui hal ehwal agama Islam dengan sedalam-dalamnya mengenai Undang-undang Pentadbiran Menikah Kahwin dalam negara kita sekarang, iaitu seseorang yang hendak berkahwin lebih daripada satu mesti kena ambil tandatangan atau "sign" daripada isteri tuanya. Adakah ini pandangan Yang Berhormat suatu pentadbiran yang bagus atau tidak?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua supaya saya jawab, walaupun saya fikir ini tidak ada kaitan tetapi bagi menghilangkan kekeliruan sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, kalau sekiranya ada orang membaca atau menyebutkan ayat Quran salah, saya yakin akan dibuat pembetulan dalam Dewan ini kerana tidak ada siapa pun ahli dalam Dewan ini yang tahu yang akan membiarkan perkara itu, lebih-lebih lagi Yang Berhormat sendiri pun kalau terdengar eloklah bangun dan betulkan, saya fikir Dewan akan terima.

Mengenai dengan masalah undang-undang pentadbiran dan juga Undang-undang Sivil siapa yang buat ini, agak perlu saya jelaskan dengan panjang sedikit tetapi saya ringkaskan sahaja, iaitu undang-undang yang ada ialah

Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam dan kalau sekiranya undang-undang seperti ini disediakan maka biasanya kita mengambil dua kumpulan pakar, iaitu yang pakar dalam bidang pentadbiran dan yang pakar dalam bidang hal ehwal Islam. Kedua-dua kumpulan pakar ini tidak masukkan unsur peribadi dalam membuat undang-undang kerana biasanya dirujuk kepada undang-undang yang telah dibuat sebagai Enakmen sebagaimana yang dijalankan oleh negara-negara Islam yang lain sebagai panduan. Jadi, kalau sekiranya maksud soalan Yang Berhormat kalau dirasakan bahawa ahli-ahli yang terlibat dalam negara ini kurang dari segi kepakarannya, maka kurang jugalah kepakaran orang-orang daripada negara-negara lain yang menjadi rujukan kita.

Mengenai dengan masalah kahwin hendak ambil tandatangan atau kebenaran, saya tak tahu kerana saya belum ada pengalaman. Tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat sendiri ada pengalaman (*Ketawa*) saya fikir ini urusan pentadbiran, bukan masalah yang pokok.

#### PEMBAHAGIAN FARAID OLEH KWSP

**8. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah pembahagian Faraid telah berjalan atau dilaksanakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada pencarum-pencarum yang beragama Islam.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak mengendalikannya, saya ulangi tidak mengendalikan pembahagian wang ahli-ahli yang beragama Islam yang telah meninggal dunia menurut hukum Faraid. Bayaran yang akan dibuat di bawah

Employees Provident Fund (Amendment Regulations) 1969 kepada penama (nominee) yang didaftarkan dan terpulangnya kepada penama yang berkenaan untuk membahagikan wang simpanan mendiang menurut hukum Faraid. Walau bagaimanapun, KWSP akan menasihati penama yang berkenaan supaya membuat pembahagian menurut hukum Faraid.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu mengenai pembahagian wang ahli-ahli menurut hukum Faraid adalah sedang dikaji oleh Bahagian Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara.

#### BUKU RUJUKAN ILMIAH DALAM BAHASA MALAYSIA

**9. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Pendidikan menjelaskan benarkah kekurangan buku rujukan ilmiah berbahasa Malaysia masih menjadi masalah meruncing bagi negara, terutama sekali di Institusi Pengajian Tinggi. Jika benar, mengapakah keadaan itu berlaku. Dan apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi keadaan yang menyedihkan itu.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan buku-buku rujukan ilmiah dalam Bahasa Malaysia terutamanya di pusat-pusat pengajian tinggi memang merupakan satu masalah. Kekurangan ini disebabkan oleh berbagai perkara, antaranya ialah:

- (i) kurangnya bilangan ahli akademik yang menulis buku-buku ilmiah kerana kurangnya galakan dan insentif yang diberikan kepada mereka.

- (ii) kurangnya perhatian dan penyertaan penerbit buku swasta dalam menerbitkan buku-buku ilmiah kerana buku-buku tersebut dari aspek pemasarannya tidak menguntungkan mereka dan kos penerbitannya tinggi.

Jadi, Kementerian Pendidikan dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sedang mengatasi masalah kekurangan ini dan langkah-langkah positif yang telah dan sedang diambil antaranya ialah:

- (i) Berusaha menarik lebih ramai ahli-ahli akademik menulis buku-buku ilmiah dengan cara memberi galakan dalam bentuk insentif. Ini termasuklah memberi royalti yang tinggi antara 15%-20%; memberi bonus royalti antara \$1,000-\$3,000 sebagai tambahan kepada royalti yang dibayar dan memberi bantuan permulaan sebanyak \$500 kepada penulis. Bagi kerja-kerja terjemahan, DBP menyediakan bayaran yang tinggi iaitu antara 6-10 sen bagi setiap patah perkataan;
- (ii) mencadangkan agar ahli-ahli akademik menulis atau menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah buku dalam bidang kepakarannya sebelum boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat;
- (iii) membina kepakaran penulis dan pemerjemah yang bakal dan sedia ada dan membimbing mereka cara teknik-teknik penulisan dan penterjemahan dengan tumpuan khusus kepada buku-buku pengajian tinggi; dan akhir sekali;
- (iv) meningkatkan pengetahuan dan kecekapan penggunaan bahasa Malaysia yang baik di kalangan penulis dan penterjemah dengan cara

mengadakan kursus-kursus bahasa supaya mutu penulisan dan penterjemahan mereka baik.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyedari peri pentingnya buku rujukan ilmiah ke Bahasa Malaysia kepada kepentingan nasional dan juga seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, menyedari betapa besarnya risiko yang mungkin dialami oleh pihak penerbit swasta, saya ingin bertanya bahawa selain daripada langkah-langkah positif yang telah diterangkan itu, adakah Kerajaan bercadang untuk memperbesar dan melengkapkan keupayaan serta memberikan peruntukan yang mencukupi kepada pihak DBP bagi melaksanakan tanggungjawab untuk memenuhi keperluan buku-buku yang dimaksudkan itu?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh tadi, bahawa usaha Kementerian Pendidikan dan Kerajaan dalam perkembangan supaya mengadakan buku-buku ilmiah yang mencukupi di peringkat pengajian tinggi kita, usaha yang telah dijalankan semenjak tahun 1980 iaitu peruntukan yang tidak kurang dari \$500,000 atau \$1/2 juta setahun telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut kepada pihak DBP dan kebanyakan perbelanjaan ini adalah ditumpukan kepada percetakan dan untuk rancangan masa depan DPB, adalah dianggarkan sebanyak 150-300 buah buku ilmiah dan akan diterbitkan setahun dalam bentuk karya yang asli dan juga terjemahan melalui berbagai skim, dan satu dari skim tersebut ialah dalam usaha yang telah ditanyakan oleh Ahli yang Berhormat tadi ialah DBP ada juga berusaha sama dalam skim yang dikenalkan sebagai PEPET

(Penerbitan Pengajian Tinggi) dengan penerbit-penerbit universiti tempatan dan penerbit-penerbit penyelidikan seperti RISDA, MARDI dan lain-lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 10 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).*

#### LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA—PENSWASTAAN

10. **Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan berpura-pura menswastakan Lembaga Padi dan Beras Negara. akibat sosial dan ekonomi kepada rakyat dan negara andainya harga padi dan beras ditentukan oleh pasaran bebas.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk menswastakan LPN.

Sistem gred beras dan struktur harga beras yang ada sekarang telah dilaksanakan mulai 31 Mei, 1974. Semenjak dari tarikh itu, sistem gred beras dan struktur harga beras ini tidak pernah diubahsuai walaupun faktor-faktor kos berkaitan termasuk harga padi, lain-lain kos pengilangan dan pemasaran telah berubah. Faktor-faktor tersebut pada keseluruhannya adalah bertambah. Ini menyebabkan industri pengilangan padi tidak menguntungkan dan tidak menarik minat pengusaha-pengusaha untuk membuat pelaburan baru. Kedudukan ini telah berlanjutan semenjak beberapa tahun yang lalu. Oleh yang demikian pertambahan pengeluaran padi berikutan dengan pengenalan benih yang memberi hasil tinggi dan lain-lain menyebabkan LPN terpaksa membeli walaupun melebihi keupayaannya.

Bagi memulihkan industri padi/beras supaya lebih menarik dan berkembang, LPN telah mencadangkan supaya struktur dan gred beras yang sedia ada dibubarkan. Pembubaran ini akan menjadikan keadaan harga beras seperti bahan-bahan lain di mana harganya akan ditentukan oleh keadaan permintaan dan penawaran. Harga beras yang tidak dikawal dijangka akan meningkat di antara 8 sen hingga 49 sen sekilogram bergantung kepada mutunya dan kawasan di mana beras itu dibeli. Kesan kenaikan harga ini ke atas perbelanjaan sekeluarga dianggarkan sebanyak di antara \$2.93 hingga \$16.86 sebulan sahaja. Untuk memastikan harga beras tidak meningkat ke paras yang terlalu tinggi, LPN akan mengambil langkah mempengaruhi kestabilan harga melalui operasi pemasarannya. Bagi menjamin golongan berpendapatan rendah mendapat bekalan dengan harga yang berpatutan, LPN akan menentukan satu gred beras yang sesuai dengan harga yang ditetapkan pada paras harga yang ada sekarang.

Pengilang, pengguna dan pesawah akan memperolehi faedah dengan pelaksanaan cadangan ini. Pengilang-pengilang swasta akan mendapat keuntungan daripada jualan beras dengan harga yang lebih berpatutan. Dengan itu adalah dijangka mereka akan terus kekal dan mengembangkan lagi usaha pengilangan mereka. Pengguna-pengguna akan mempunyai pilihan sama ada membeli beras bermutu tinggi yang tidak dikawal harganya ataupun beras yang dikawal gred dan harganya. Pesawah-pesawah akan memperolehi harga padi yang lebih baik oleh kerana akan ada permintaan dari pengilang-pengilang swasta. Pesawah juga akan mempunyai insentif untuk menghasilkan dan menjual padi yang lebih bermutu.

Pelaksanaan ini juga akan membolehkan penglibatan LPN dalam aktiviti-aktiviti pembelian dan pengilangan padi dihadkan ke tahap minimum untuk memastikan harga padi berada di paras yang berpatutan serta stabil kepada pesawah-pesawah dan bukannya mengambilalih sebahagian besar atau keseluruhan industri padi/beras sebagaimana yang akan berlaku sekiranya tiada perubahan dibuat kepada struktur harga dan sistem gred beras yang ada sekarang. Jika sekiranya keadaan penglibatan LPN yang semakin meningkat di dalam industri padi/beras yang ada sekarang tidak diubahsuaikan, maka Kerajaan akan terpaksa memperuntukan berjuta-juta ringgit lagi untuk menambah kemudahan-kemudahan yang diperlukan bagi membolehkan LPN menampung keperluan membeli padi yang semakin bertambah. Sekiranya tidak ditambah peruntukan, masalah kejatuhan mutu padi dan kerugian besar yang terpaksa ditanggung akan terus meningkat. Masalah lori berbaris di kompleks-kompleks LPN, rungutan dan rasa tidak puas hati dari pihak pesawah akan berterusan dan berbangkit pada setiap musim menuai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan ini belum dapat ditentukan perlaksanaannya memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi sekarang sehingga suatu masa yang sesuai.

### **PENYAKIT DEMAM BERDARAH KOREA**

**11. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kesihatan menyatakan tentang kemunculan penyakit "Demam Berdarah Korea" yang mula menyerang negara ini:

- (a) apakah ciri-ciri pengenalan bagi mengenalpasti mereka yang dihidangapi oleh penyakit tersebut;

- (b) kawasan manakah yang terlibat dengan serangan wabak ini; dan
- (c) sudahkah Kementerian Kesihatan memberitahu orang ramai tentang bahaya penyakit Jni dan cara-cara mengatasinya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Untuk makluman Yang Berhormat, penyakit "Demam Berdarah Korea" adalah sejenis penyakit berjangkit di kalangan haiwan (zoonotic infectious diseases). Adalah kemungkinan pesakit mendapat jangkitan melalui udara yang dicemari oleh kuman virus dari jenis haiwan yang dijangkiti penyakit ini.

- (a) Antara ciri-ciri penyakit ini adalah demam, Kemerahan mata, sakit-sakit dan lemah anggota, sakit dalam perut, hilang selera makan serta muntah-muntah. Tanda-tanda perdarahan mungkin terjadi diikuti oleh kencing kotor (proteinuria), penurunan tekanan darah dan "shock". Kebanyakan kematian dalam penyakit ini berpunca daripada kerosakan buah pinggang. Diagnose penyakit boleh diketahui dengan membuat ujian darah.
- (b) Penyakit ini dikenali di Korea, China, Jepun dan di Eropah Timur. Tidak ada kes yang dikesan ataupun dilaporkan di negara ini, walaupun ujian darah yang dijalankan di kawasan Pelabuhan Pulau Pinang dan secara khusus di beberapa tempat yang lain telah menunjukkan reaksi positif terhadap ujian untuk virus yang berkenaan dalam lebihkurang 10 contoh yang diuji.
- (c) Buat masa ini, penyakit ini belum menjadi satu masalah kesihatan awam. Kementerian Kesihatan sedang menjalankan

kajian lanjut, membuat pengawasan teliti ke atas penyakit ini dan mengenalpasti cara-cara pencegahan dan pengawalannya.

### PUNGUTAN DI PLAZA TOL

**12. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) anggaran hasil tahunan dari Plaza-plaza Tol yang terdapat sekarang;
- (b) belanja kelengkapan dari gaji bagi kakitangan yang mengendalikan Plaza-plaza Tol;
- (c) apakah kutipan yang berkenaan itu adalah semata-mata untuk mengendalikan Lebuhraya-lebuhraya.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):**

- (a) jumlah pungutan Tol tahunan dari Plaza-plaza Tol yang sedang beroperasi sekarang di bawah pengurusan Lembaga Lebuhraya Malaysia adalah seperti berikut:

Tahun 1985 ..	\$36.6 juta
Tahun 1986 ..	\$53.1 juta
Tahun 1987 di- anggarkan	\$56.96 juta

- (b) bagi tahun 1987, adalah dianggarkan Belanja Mengurus iaitu perbelanjaan yang termasuk bayaran gaji kakitangan dan pembelian alat kelengkapan bagi mengendalikan Plaza-plaza Tol LLM adalah sebanyak \$13.38 juta iaitu purata \$669,000/- bagi sebuah Plaza Tol.
- (c) hasil daripada kutipan-kutipan Tol yang dibuat adalah

digunakan untuk:

- (i) mengendalikan penyelenggaraan Lebuhraya-lebuhraya yang sedia ada.
- (ii) membiayai sebahagian daripada kos pembinaan Lebuhraya-lebuhraya Tol yang baru.
- (iii) membayar balik pinjaman serta faedah pinjaman yang telah dibuat dari masa ke semasa.

### TV3—SIARAN KE SABAH

**13. Tuan Maidon bin Pansai** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah agaknya Rancangan TV3 di Semenanjung dapat dikembangkan ke negeri Sabah. Adalah dirasai bahawa ini adalah perlu memandangkan kedudukan negeri Sabah yang berada dalam Persekutuan Malaysia dan seharusnya ia tidak ditinggalkan daripada rancangan tersebut agar konsep ke Malaysiaan itu dapat dinikmati dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Syarikat Televisyen Malaysia (TV3) adalah sebuah badan penyiaran swasta dan mempunyai perancangannya sendiri. Hasrat untuk meluaskan siaran ke Sabah dan Sarawak pernah disebutkan dalam surat-suratkhbar tempatan. Bila ini akan dilakukan terpujanglah kepada perancangan serta keupayaan Syarikat berkenaan.

Perlu dinyatakan bahawa sebarang tindakan TV3 untuk memperluaskan liputannya haruslah terlebih dahulu memperolehi kebenaran daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

## PROJEK HAIDRO ELEKTRIK DI ULU TEMBELING

**14. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memansuhkan terus projek haidro elektrik di Ulu Tembeling dan mewartakan kawasan tersebut sebagai Taman Negara selama-lamanya.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Projek haidro elektrik ini telah dimansuhkan terus. Memandangkan kawasan Ulu Tembeling merupakan sebahagian daripada Taman Negara, maka tidaklah perlu kawasan tersebut diwartakan sebagai Taman Negara selama-lamanya.

## PASARAN KRAKTANGAN

**15. Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada sebarang tinjauan telah dibuat mengenai pemasaran hasil kraftangan kita keluar negeri dan sama ada Lembaga Kraftangan Malaysia bersedia membeli hasil-hasil kraftangan ini untuk dijual di Pusat-pusat Pelancungan, jika tidak mengapa.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Adalah menjadi hasrat Kerajaan dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk meningkatkan lagi pasaran kraftangan ke luar negeri. Tinjauan dan langkah-langkah tertentu sentiasa dibuat untuk mencapai matlamat tersebut, di antaranya:

- (i) mengadakan kajian pasaran untuk menentukan sasaran pasaran bagi barangan yang tertentu.
- (ii) mengadakan pameran-pameran kraf di luar negeri untuk memperkenalkan dan menguji pasaran kraf di negara berkenaan.

(iii) mendapatkan kerjasama wakil-wakil Kedutaan Malaysia di luar negeri untuk mendapatkan pasaran kraf yang lebih luas di negara berkenaan.

Hasil dari kajian tersebut, Kementerian mendapati hasil kraf untuk kegunaan harian (utilitarian) dan yang mempunyai rekabentuk dan corak baru seperti mangkuk salad, bakul dan perabut rotan mempunyai potensi pasaran yang baik di luar negeri, berbanding dengan hasil kraf tradisi untuk perhiasan. Sebagai contoh Kementerian sedang mengembeling sepenuhnya tenaga kemahiran yang ada untuk mengeluarkan bakul rotan berwarna-warni bagi memenuhi pasaran Eropah dan Amerika Syarikat.

Mengikut dasar, Kraftangan Malaysia tidak membeli hasil kraftangan yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha, kerana ia adalah tanggungjawab pengusaha sendiri. Bagaimanapun Kementerian telah menubuhkan Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn Bhd sebagai saluran pemasaran pilihan kepada pengusaha-pengusaha berkenaan dan Kraftangan memainkan peranan dalam promosi dan juga uji pasaran.

## PENDAPATAN PETANI/ PEKEBUN KECIL

**16. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada usaha Kementerian untuk mempelbagaikan sumber pendapatan petani/pekebun-pekebun kecil telah mendapat sambutan dan sejauh manakah kejayaan telah tercapai.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kementerian Pertanian setakat ini mendapati sambutan petani dan pekebun-pekebun kecil kepada usaha-usaha untuk mempelbagaikan sumber pendapatan mereka adalah

memuaskan. Berbagai-bagai program untuk tujuan tersebut telah dilaksanakan dan program-program itu telah didapati berjaya mempelbagaikan sumber pendapatan petani dan pekebun kecil. Di antara program-program itu ialah seperti berikut:

- (i) Menggalakkan tanaman kontan seperti kacang tanah, jagong dan tebu sebagai tambahan kepada tanaman utaraa.
- (ii) Menggalakkan tanaman selingan seperti koko, kopi, di kawasan tanaman utama khususnya di ladang-ladang kelapa.
- (iii) Menggalakkan tanaman seperti koko, kopi, jagong dan sayur-sayuran di sekitar kawasan kampung dan ramah.
- (iv) Menggalakkan pemeliharaan ternakan secara kecil-kecilan atau secara integrasi di kawasan tanaman utama. Kementerian pada masa ini menggalakkan pemeliharaan kambing biri-biri di samping ternakan-ternakan lain.
- (v) Menggalakkan usaha pemeliharaan ikan air tawar.
- (vi) Menggalakkan kegiatan industri kecil berasaskan pertanian di rumah-rumah seperti membuat makanan-makanan ringan.
- (vii) Menggalakkan mereka melaksana atau mengambil upah membuat kerja kontrak perladangan yang ditawarkan oleh Pertubuhan-pertubuhan Peladang; dan
- (viii) Mendorong dan menggalakkan mereka membuat pelaburan walaupun secara kecil-kecilan di dalam projek-projek ekonomi yang diusahakan oleh Pertubuhan

Peladang atau Syarikat-syarikat Kerjasama Asastani dan juga di dalam Amanah Saham Nasional.

Kementerian tidak mempunyai projek-projek khas bagi melaksanakan program-program tersebut. Walau bagaimanapun program-program ini telah dan sedang diusahakan dengan memuaskan di bawah projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP). Di samping kawasan-kawasan IADP, petani dan pekebun kecil di kawasan-kawasan luar IADP juga mendapat gaiakan dan bantuan yang sewajarnya daripada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kementerian Pertanian bagi melibatkan diri di dalam program-program berkenaan.

Pihak Kementerian Pertanian mendapati petani dan pekebun kecil telah berjaya mempelbagaikan sumber pendapatan dan mereka tidaklah terlalu bergantung kepada tanaman atau kegiatan utama sahaja kesan daripada penyertaan di dalam program-program yang dijelaskan tadi. Kejayaan mempelbagaikan sumber pendapatan boleh dilihat daripada peningkatan pendapatan daripada kegiatan-kegiatan pertanian tidak termasuk tanaman utama. Sebagai contoh dalam kajian sosio-ekonomi yang dibuat di Sungai Manik, Perak menunjukkan pendapatan ladang atau pertanian tidak termasuk padi telah meningkat secara purata sebanyak 72% dalam tahun 1984 (\$447 setahun) dibandingkan dengan tahun 1982 (\$260 setahun).

## **RANCANGAN TV MENGENAI AGAMA-AGAMA**

**17. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Menteriannya membenarkan diadakan siaran rancangan TV mengenai agama-agama lain seperti

Buddha, Kristian, Hindu dan lain-lain bagi membolehkan rakyat berbilang kaum di negara ini memahami secara lebih mendalam mengenai agama-agama orang lain dan menerusi cara demikian perasaan muhibbah dan perpaduan dapat diperkukuh dan dipupuk.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Rancangan-rancangan yang berunsur keagamaan dari agama lain seperti Kristian, Buddha, Hindu ada disiarkan oleh RTM terutamanya pada hari-hari kebesaran seperti Krismas, Deepavali, Thaipusam, Tahun Baru Cina dan Hari Gawai. Rancangan-rancangan ini disiarkan untuk menghormati masyarakat Malaysia yang menganuti agama-agama berkenaan dan bukan untuk mengajarkan agama-agama itu secara mendalam.

Peranan TV dalam bidang agama-agama yang tersebut itu adalah terhad kepada memberi penerangan-penerangan am sahaja, supaya masyarakat dapat memupuk kesefahaman dan perasaan saling hormat menghormati antara satu sama lain.

## PENYELUDUPAN SENJATA KE FILIPINA

**18. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada benar tuduhan Menteri Luar Filipina bahawa Negeri Sabah adalah pintu keluar bagi penyeludupan senjata ke Negara Filipina;
- (ii) jika benar, apakah Kerajaan sedang dilakukan; dan
- (iii) sama ada benar senjata-senjata diseludup dari Filipina ke Negeri Sabah dilakukan oleh pelarian-pelarian Filipina.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuduhan yang mengatakan Negeri Sabah adalah menjadi pintu keluar bagi penyeludupan senjata ke Negara Filipina itu adalah tidak benar sama sekali. Siasatan telah menunjukkan tidak ada bukti sedemikian.

Hasil penangkapan menunjukkan bahawa penyeludupan senjata ke Sabah adalah dilakukan oleh orang-orang dari Selatan Filipina. Mengikut statistik, bagi tahun 1986 dari jumlah rampasan senjata yang dibuat, 95% yang ditangkap adalah terdiri dari rakyat Filipina. Manakala bagi tahun 1987 pula (sehingga 14-10-87) dari jumlah 20 orang yang ditangkap, 18 orang terdiri dari rakyat Filipina manakala 2 orang lagi terdiri dari rakyat Indonesia.

Walau bagaimanapun bagt mencegah kegiatan penyeludupan senjata ini, Kerajaan sentiasa membuat kawalan yang ketat dan rapi di Sempadan Malaysia Filipina termasuklah rondaan di sepanjang kawasan perairan tersebut.

## PELARIAN FILIPINA

**19. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah sebilangan besar dari 5,000 orang penduduk Pulau Gaya (Kota Kinabalu, Sabah) yang datang dari Filipina adalah pemegang kad pengenalan biru seperti yang dilaporkan oleh UNHCR (United Nations High Commission for Refugees); apakah tindakan yang diambil untuk menyiasat bagaimana pelarian dan pendatang-pendatang haram di Pulau Gaya dan merata tempat di Sabah mendapat kad pengenalan biru mereka dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki kedudukan ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kad Pengenalan biru hanya dikeluarkan kepada Warganegara Malaysia mengikut peruntukan Akta Pendaftaran Negara, 1959 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Oleh kerana orang-orang pelarian Filipina dan juga pendatang-pendatang haram lain yang berada di Sabah bukan Warganegara Malaysia mereka tidak layak memperolehi kad pengenalan biru. Sekiranya ada, besar kemungkinan kad-kad ini telah diperolehi dengan cara memberi maklumat palsu dan jika terbukti tindakan yang sewajarnya akan diambil. Setakat ini kes-kes sedemikian belum ada dikesan lagi.

#### PEGAWAI PENYIASAT POLIS— KEKURANGAN

**20. Tuan Abdol Mulok Awang Damit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kekurangan anggota polis terutama pegawai penyiasat sehingga menyebabkan pihak polis terpaksa menangkap dulu dan menyiasat kemudian; dan apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri memang menyedari adanya kekurangan pegawai-pegawai penyiasat untuk menyiasat kes-kes jenayah yang semakin bertambah. Usaha-usaha diambil untuk menambah pegawai-pegawai penyiasat di tempat yang memerlukannya dengan menempatkan pegawai polis dari Jabatan lain ke Jabatan Siasatan Jenayah.

Di samping itu usaha juga telah diambil untuk meningkatkan prestasi pegawai-pegawai penyiasat dengan mengadakan berbagai latihan dan kursus dari masa ke semasa sama ada di dalam atau di luar negeri.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa pihak polis menangkap dahulu dan menyiasat kemudian sebenarnya tidak berbangkit, apa juga tindakan yang diambil oleh pihak polis adalah mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan.

#### PERLEMBAGAAN MALAYSIA— SEMAKAN

**21. Tuan Mohamed bin Haji Isa** minta Perdana Menteri menyatakan akhir-akhir ini kita banyak terbaca bahawa Perlembagaan Malaysia telah disentuh dari berbagai pihak. Saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak, mengkaji dan meminta Perlembagaan Malaysia yang ada sekarang ini.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Kerajaan setiap masa memerhatikan pelaksanaan dan kesan peruntukan-peruntukan Perlembagaan, dan oleh yang demikian tidak bercadang untuk menjalankan apa-apa penyemakan atau pengkajian yang khusus. Kerajaan juga tidak ada cadangan untuk mengemukakan apa-apa pindaan kepada Perlembagaan buat masa ini.

#### MENGURANGKAN KETEGANGAN KAUM

**22. Tuan Law Lai Heng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah terbaharu yang diambil oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk mengurangkan ketegangan kaum; dan
- (b) jenis-jenis rancangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Rukun Tetangga sejak tahun 1982.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Oo Gin Sun):**

- (a) di antara langkah-langkah terbaru yang diambil oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk mengurangkan ketegangan kaum ialah memperkenalkan dan melaksanakan Sistem Pengesanan Perhubungan Sosial (SPPS). SPPS adalah satu sistem pengumpulan dan pengurusan maklumat untuk mendapat gambaran jelas dan kemaskini tentang suasana dan pola sosial di sesuatu kawasan dan di seluruh negara dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi suasana itu. SPPS melibatkan pengumpulan maklumat, penganalisan dan tindakan-tindakan susulan yang sesuai berdasarkan maklumat-maklumat itu.

Tujuan SPPS ini ialah untuk mengesan kedudukan sebenar suasana, iklim dan pola perhubungan di dalam dan di antara kaum di sesuatu kawasan dan di seluruh negara, supaya usaha-usaha pembetulan melalui proses pencegahan dapat dijalankan untuk mengelak dan membanteras kemunculan masalah-masalah yang boleh menimbulkan konflik yang lebih serius di dalam dan di antara kaum.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Rukun Tetangga telah dicantumkan dengan Bahagian Perhubungan Masyarakat, di bawah Jabatan Perpaduan Negara sejak 1982. Oleh yang demikian, segala rancangan yang dilaksanakan adalah di bawah Jabatan Perpaduan Negara.

Rancangan-rancangan yang dilaksanakan oleh Jabatan

Perpaduan Negara mengenai hal-ha) perpaduan adalah terkandung dalam dua strategi iaitu:

(1) Strategi Penggalakan yang bertujuan:

- (a) menggalakan rakyat dari berbagai keturunan untuk bergaul dan berinteraksi dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan;
- (h) membantu dalam pembentukan pertumbuhan-pertumbuhan masyarakat sejiran bagi menjalin dan memupuk semangat kejiiran yang teguh. seperti sikap tolong-menolong. berbaik- baik sangka dan bertoleransi ke arah peningkatan keharmonian masyarakat;
- (c) mengadakan program pendidikan prasekolah dan pendidikan tidak formal, dengan menggunakan satu bahasa yang sama (Bahasa Malaysia) dan juga memberi penerangan mengenai adat resam antara kaum, nilai-nilai keagamaan serta pengetahuan asas akan dasar-dasar negara.
- (d) mengadakan program sivik, termasuk aspek-aspek kewajipan rakyat sebagai warganegara yang baik, semangat taat setia dan patriotisme

serta hormat terhadap iambang-lambang kenegaraan.

- (e) menyedarkan rakyat akan keperluan identiti serta kebudayaan nasional serta menggalakkan penyertaan mereka untuk membantu dalam proses pemupukan kebudayaan nasional.

(2) Strategi Pencegahan yang bertujuan:

- (a) memerhati dan mengesan akan suasana perhubungan antara kaum dan agama serta menyelaraskan tindakan sewajarnya untuk mengelakkan mana-mana pihak melakukan perbuatan yang boleh menjejaskan ketenteraman masyarakat dan semangat muhibah antara kaum dan agama.
- (b) bertindak untuk membantu menyelesaikan pertikaian atau perselisihan faham yang bercorak perkauman serta berusaha ke arah pemulihan keadaan.
- (c) menguruskan perancangan serta kajian jangka pendek dan jangka panjang dalam aspek hubungan antara kaum khususnya dan perpaduan nasional pada amnya.

Di samping itu Jabatan Perpaduan Negara juga mempunyai program-program tertentu iaitu:

### 1. *Perhubungan Masyarakat*

- (a) Aktiviti kejranaan seperti kunjung-mengunjung antara penduduk sejiran, kerja-kerja gotong-royong, sukan, kebudayaan, kemasyarakatan dan lain-lain untuk menjaga kesejahteraan penduduk kawasan setempat.

### (b) *Pendidikan*

- \* Pendidikan Prasekolah.
- \* Pendidikan Tidak Formal.

### 2. *Perancangan, Pengesanan dan Penyelidikan*

- \* Perancangan jangka pendek dan jangka panjang ke arah membentuk konsep perpaduan yang akan dijadikan garis panduan terhadap "gerak-laku" masyarakat Malaysia bagi mengekalkan suasana keharmonian dan kestabilan.
- \* Pengesanan perhubungan kemasyarakatan melalui sistem pengesanan perhubungan sosial (SPPS).
- \* Penghebatan program dan aktiviti Jabatan melalui media massa (media elektronik dan media cetak).
- \* Projek-projek khas keserantaan yang dapat disiarkan melalui radio dan TV.
- \* Penerangan rasional dasar-dasar Kerajaan dalam konteks perpaduan nasional.

## SEKOLAH MENENGAH SWASTA— PERUNTUKAN

23. Tuan Chian Heng Kai minta -Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa satu juta ringgit

diperuntukkan untuk memperuntukkan kepada sekolah-sekolah menengah Swasta di bawah Jabatan beliau menjelang Pilihanraya Umum 1986. Jika ya, sila nyatakan nama-nama sekolah yang terdapat wang peruntukan itu dan Amaun-amaunnya, jika tidak, sebutkan manakah datangnya wang peruntukan untuk sekolah-sekolah yang dijanji akan dibantu itu.

**Dr Leo Michael Toyad:** Izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa peruntukan bantuan sebanyak \$1 juta diperuntukkan kepada sekolah-sekolah menengah swasta menjelang pilihanraya umum 1986 yang lalu. Bagaimanapun Kerajaan ada mengeluarkan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek kecil di seluruh negara yang difikirkan mustahak untuk rakyat termasuklah peruntukan bantuan kepada beberapa sekolah menengah swasta.

### PLAZA TOL DI JALAN IPOH

24. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa Kerajaan tetap membenarkan syarikat swasta membina Plaza Tol kedua di Batu 5 Jalan Ipoh sesungguhnya mereka sudah perolehi keuntungan dari kutipan tol Plaza Jalan Kuching. Mengikut warta Kerajaan pada 8 Januari 1987, kebenaran hanya diberi kepada pembinaan Plaza Tol di Bahagian Jalan Kuching dan bukan di Jalan Ipoh. Bilakah Kerajaan telahewartakan pembinaan Plaza Tol yang kedua di Batu 5 Jalan Ipoh. Apakah anjuran aliran lalulintas serta kutipan wang yang dijangka dari pembinaan Plaza Tol kedua ini. Apakah jumlah pelaburan yang telah dibuat ke dalam usaha membesar dan memperbaiki jalan tersebut.

**Dato' S. Samy Vellu:** Sukalah saya nyatakan bahawa Kabinet telah pun memutuskan supaya Plaza Tol di Jalan Ipoh dibatalkan. Oleh itu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak timbul lagi.

### LAGU AYO-YO SAMI

25. **Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kementeriannya pernah menerima rayuan untuk mengharamkan sebuah lagu berjudul Ayo-yo Sami yang dinyanyikan oleh Hang Mokhtar dan beritahu nama-nama perayu-perayu ini; dan
- (b) apakah pendirian pihak Kementerian terhadap lagu ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Kementerian Dalam Negeri tidak pernah menerima sebarang rayuan secara rasmi untuk mengharamkan lagu berjudul Ayo-yo Sami yang dinyanyikan oleh Hang Mokhtar.
- (b) Kementerian tidak ada cadangan mengambil apa-apa tindakan untuk mengharamkannya.

### SEKOLAH BERASRAMA BAGI MURID CINA/INDIA

26. **Tuan P. Patto** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyai sebarang rancangan untuk mengadakan sekolah-sekolah berasrama bagi pelajar-pelajar keturunan Cina dan India yang datang dari luar bandar supaya mereka juga dapat menikmati apa yang dinikmati oleh sahabat mereka keturunan Melayu yang datang dari luar bandar, jika ya, nyatakan secara detail apakah rancangan itu dan jika tidak, mengapa.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan pada masa ini tidak ada rancangan untuk membina sekolah berasrama khas untuk murid-murid Cina dan India yang datang dari luar bandar. Ini adalah kerana sekolah-sekolah berasrama yang ada sekarang boleh menampung murid-murid dari semua kaum sekiranya mereka dapat memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

### IMPORT BARANGAN DARI CINA

27. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan permit yang dikeluarkan dalam tahun 1986 dan 1987 untuk mengimport product-product daripada negara Cina;
- (b) atas kriteria apakah permit-permit tersebut dikeluarkan kepada syarikat-syarikat atau individu-individu berkenaan;
- (c) jumlah nilai import yang dijalankan oleh syarikat-syarikat/individu-individu berkenaan.
- (d) jenis product-product yang diimport oleh syarikat-syarikat/individu-individu berkenaan;
- (e) Sekiranya permit dikeluarkan kepada individu-individu, berapakah daripada mereka yang sebenarnya memiliki syarikat-syarikat ini menyewa permit-permit mereka berdasarkan "Ali Baba".

### Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat bilangan lesen import yang telah dikeluarkan

kepada syarikat-syarikat/individu untuk mengimport barangan dari Republik Rakyat China dalam tahun 1986 dan 1987 adalah seperti berikut:

1986	.. ..	39,575
1987 (Sept.)	.. ..	38,619

- (b) Pada dasarnya, lesen-lesen import adalah dikeluarkan berpandukan kepada kriteria-kriteria berikut;

- (i) Pengimportan yang dibuat secara terus, hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen yang dapat mengesahkan jenis serta nilai barang yang diimport, antaranya seperti "kontrek jualan" atau "proforma invoice".

- (ii) Pengimportan yang dibuat melalui Negara Ketiga adalah dibenarkan tetapi terhad kepada barang-barang mudah busuk, bahan mentah untuk kegunaan industri serta mesin-mesin untuk kegunaan kilang.

- (c) Berdasarkan perangkaan Jabatan Statistik Malaysia, jumlah nilai import sebenar yang dijalankan oleh pedagang-pedagang Malaysia adalah:

1983	.. ..	625.8 juta
1984	.. ..	668.4 juta
1985	.. ..	621.4 juta
1986	.. ..	727.7 juta

- (d) Adalah sukar bagi semua jenis product-product yang diimport disenaraikan satu persatu. Walau bagaimanapun, dengan

cara ringkasnya sebilangan besar barangan yang diimport adalah:

- (i) Bahan-bahan makanan
  - (ii) Buah-buahan
  - (iii) Ubat-ubat
  - (iv) Bahan Kimia
  - (v) Bahan Mentah
  - (vi) Peralatan Pertukangan/  
Pertanian
- (e) Untuk makluman Yang Berhormat, semua individu/syarikat boleh memohon untuk mendapatkan lesen import sekiranya kriteria-kriteria seperti yang dinyatakan di (b) dipenuhi. Dengan syarat-syarat kriteria-kriteria tersebut dapat dipastikan hanya pengimport yang tulin diberikan permit. Sekiranya ada di antara pemegang permit yang menyelewengkan kemudahan itu pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

### HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN NEGARA ISLAM

**28. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha telah dibuat untuk meningkatkan lagi hubungan Diplomatik dengan Negara-negara Islam di Timur Tengah supaya Negara-negara tersebut dapat menambahkan lagi pelaburan di negara kita.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan);** Hubungan diplomatik di antara negara kita dengan negara-negara Islam di Timur Tengah adalah kukuh. Pada masa ini kita mempunyai perwakilan diplomatik di sepuluh buah negara Islam di rantau itu, iaitu Mesir, Libya, Morocco, Iraq, Iran, Kuwait, UAE, Oman dan Saudi

Arabia, iaitu di Riyadh di samping sebuah Konsulat di Jeddah. Walaupun kita ingin membuka lebih banyak lagi pejabat perwakilan Malaysia di Timur Tengah, tetapi memandangkan kos pengurusan yang tinggi maka ini tidak dapat dilakukan sekarang.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah menauliahkan Duta Besar kita secara serentak ke negara-negara yang difikirkan patut. Duta Besar Malaysia di Kaherah telah ditauiahkan serentak ke Sudan dan Lubnan, Duta Besar di Riyadh ditauiahkan ke Jordan, Syria, Yemen utara dan seterusnya. Dengan cara ini, kita akan dapat menjalin hubungan diplomatik yang rapat dengan negara-negara di rantau tersebut. Di antara lain-lain langkah penting yang dilakukan untuk meningkatkan hubungan dua hala, ialah dengan mengadakan perjanjian dengan negara-negara sahabat. Dalam hubungan ini, Malaysia telah menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan Arab Saudi, Kuwait, Turki, Iraq, Mesir dan UAE. Kerajaan juga bercadang untuk mengadakan Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan Kuwait dan Perjanjian Elakkan Cukai Dua Kali dengan Turki. Usaha-usaha ini dijangka akan juga dapat menggalakkan perdagangan dan pelaburan dengan Malaysia.

Selain daripada itu, pertukaran lawatan oleh pemimpin-pemimpin Malaysia ke negara-negara Timur Tengah dan sebaliknya adalah juga memberi sumbangan yang tidak kurang pentingnya kepada peningkatan hubungan diplomatik di antara negara kita dengan negara-negara tersebut. Ini termasuklah lawatan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-Menteri yang lain, lawatan oleh misi perdagangan dan pelaburan, seperti yang dilakukan setiap tahun ke negara-negara Timur Tengah yang

secara langsung dipergunakan bagi menggalakkan perdagangan pelaburan dengan negara-negara tersebut.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

#### DAN USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1988" dan "Anggaran Pembangunan, 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kesepuluh*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.33 (Jadual)—*

*Maksud P.33 (Anggaran Pem-bangunan 1988)—*

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, sila sambung.

*3.37 pig.*

Tuan Fung **Ket Wing** (Sandakan): Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung ucapan saya semalam.

Tuan Pengerusi, kalau kita perhatikan angka-angka rumah yang belum dapat dijual ini memang

tinggi jika dibandingkan dengan jumlah orang ramai yang masih belum mempunyai rumah di seluruh negara dan mereka ini masih lagi tinggal di rumah-rumah sewa, menjadi setinggan dan sebagainya.

Saya percaya, tentulah ada sebab-sebab tertentu mengapa rumah-rumah ini tidak dapat dijual kepada bakal-bakal pembeli. Sebab utamanya ialah rumah-rumah ini harganya mahal dan di luar kemampuan orang ramai untuk membelinya. Saya ingin menca-dangkan beberapa langkah supaya pihak Kerajaan menerusi Kementerian Perusahaan Awamnya dapat melaksanakan langkah-langkah bagi melariskan penjualan rumah-rumah yang masih belum dapat dijual itu:

- (i) struktur harga rumah-rumah perlulah dikaji semula supaya ia dapat diturunkan ke paras yang mudah dibeli oleh para pembeli;
- (ii) melonggarkan bagi syarat-syarat jualan seperti memansuhkan bayaran 10% pendahuluan ketika menandatangani Perjanjian Jual-Beli;
- (iii) memperkenalkan sistem sewa-beli untuk bakal-bakal pembeli iaitu menyewakan rumah-rumah yang masih belum dapat dijual kepada orang ramai dan setelah melalui satu tempoh, 5-10 tahun menjualkan rumah-rumah tersebut kepada penyewanya dan bayaran sewa selama ini dijadikan sebahagian pembayaran harga rumah;
- (iv) memberi kelonggaran kepada kuota bumiputera supaya bukan bumiputera boleh membeli rumah di kawasan yang sangat sukar dijual;
- (v) membantu pembeli mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan dan

memberikan pinjaman maksimum 100% daripada harga rumah di samping mengenakan kadar faedah yang rendah;

- (vi) menghapuskan denda ke atas kelewatan pembayar kemajuan (progress payment) supaya para pembeli yang lewat membayarnya tidak merasakan satu lagi beban pembayaran yang perlu dipikulnya. Kalaupun terpaksa dikenakan juga denda ke atas kelewatan membayar amaun tunggakan maka kadar faedah haruslah diturunkan lagi.

Adalah tidak bermakna jika masih terdapat banyak rumah yang tidak dapat dijual kepada orang ramai sedangkan masih ramai orang yang tidak mempunyai rumah sendiri. Oleh itu saya menyeru pihak Kementerian berkenaan supaya menimbangkan cadangan-cadangan ini dengan serius.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

3.41 ptg.

**Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Pengerusi, saya mohon merujuk kepada muka surat 153, Maksud Bekalan 33. Butiran 020000, Perlesenan.

Pada suatu ketika, Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan berfungsi sebagai sebahagian Jabatan Pengangkutan Jalan. Waktu itu fail banyak, kakitangan sedikit dan ruangan pejabat sempit. Hari ini, Lembaga berfungsi sebagai satu agensi Kerajaan dengan bangunan yang herasingan, staf yang berasingan dan juga Ordinan yang berasingan. Kakitangan telah bertambah beberapa kali ganda dan pejabat pun sudah dilengkapi dengan komputer serta alat-alat moden yang lain.

Dengan adanya kakitangan dan kemudahan yang mencukupi, Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada orang ramai. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada Pengerusi dan stafnya dan juga kepada Menteri yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pengeluaran lesen lori, ingin saya memberi sedikit pandangan untuk pertimbangan Menteri. Di negara kita, orang ramai percaya bahawa kekayaan boleh diperolehi melalui lesen lori. Oleh yang demikian, mereka berebut-rebut memohon lesen lori, mereka melobi-lobi Menteri, mereka melobi-lobi Wakil Rakyat.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, kepercayaan ini merupakan satu mitos. Menteri boleh memberitahu kita berapa banyak lesen lori yang sudah diluluskan tidak digunakan atau belum digunakan kerana pemohon tidak mampu mengeluarkan modal untuk membeli lori. ....

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, Yang Berhormat hendak apa?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Pengerusi, mesyuarat tidak cukup kuorum.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Setiausaha, sila bilang.

**Setiausaha:** 22.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** 22 orang. bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahii dikira, lebih 26 Ahli hadir.*)

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dr Goh Cheng Teik:** Barangkali pada zaman Orang Putih, kalau memiliki satu dua lesen loh, ia boleh menjadi kaya. Tetapi pada zaman sekarang, tidak. Pada hari ini sektor pengangkutan lori merupakan sektor ekonomi yang meleset. Banyak pengusaha-pengusaha pengangkutan lori yang tidak tahan lasak pun sudah menggulung tikar mereka.

Trend dalam perusahaan lori ini amatlah membimbangkan kerana ekonomi negara kita bergantung sangat kepada sistem pengangkutan lori yang sihat dan kuat. Komoditi utama, seperti getah, kelapa sawit, bijih timah dan kayu dan barang-barang perkilangan seperti alat elektronik, pakaian dan kasut, perlu diangkut ke destinasiya. Sekiranya pengangkutan lori tidak efisien dan ekonomik, pertumbuhan ekonomi negara kita tentu terjejas.

Saya menyeru kepada Menteri supaya memberi perhatian persendirian kepada kedudukan industri lori yang buruk ini. Berdialog dengan pengusaha-pengusaha lori. Menggunakan perlesenan lori sebagai satu alat dasar untuk menggalakkan industri lori di negara kita memulih.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

*3.49 ptg.*

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.33 Butiran 030000 Pengawasan dan Penyelarasan di bawah Anggaran Belanjawan, muka surat 153. Tujuan

program ini ialah supaya mengawas, menyelaraskan dan penilaian menilai agensi-agensi di bawah Kementerian.

Dengan ini saya ingin mengemukakan tiga soalan kepada Yang Berhormat Menteri:

Pertama, berapakah jumlahnya agensi-agensi dan anak-anak syarikat ataupun syarikat-syarikat associate di bawah Kementerannya? Saya tahu, angkanya besar, beratus-ratus. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi angka tepat.

Keduanya, di antara semua agensi-agensi Kerajaan itu dan anak-anak syarikat mereka, berapakah yang telah mengalami atau menunjukkan kerugian? Contohnya pada akhir tahun 1986.

Soalan ketiga ialah berapa banyakkannya jumlah wang kerugian terkumpul atau accumulated losses, dengan izin, telah dialatni oleh agensi-agensi dan anak-anak syarikat itu sehingga 31hb Disember, 1986.

Saya kemukakan soalan-soalan tersebut kerana saya mengambil berat tentang phenomem baru dalam negara kita yang mana banyak syarikat-syarikat di bawah Kementerian Perusahaan Awam telah mengalami kerugian besar. Seperti semua sedia maklum, agensi-agensi Kerajaan serta anak-anak syarikat mereka ditubuhkan supaya melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat serta membasmi kemiskinan di negara kita ke arah tujuan DEB, tidak kira, iaitu perpaduan negara. Maka kejayaan merupakan satu faktor yang paling penting dalam melaksanakan program itu dan pada pendapat saya anak-anak syarikat di bawah agensi-agensi Kerajaan di bawah Kementerian Perusahaan Awam telah menjadi koporat rasaksa yang mana kawalan telah longgar yang mana public accountability telah menderita dari kawalan yang longgar, maka

kerugian yang ditunjukkan oleh semua agensi-agensi dan anak-anak syarikat mereka itu sudah menjejaskan kemajuan ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, pelaburan dalam agensi-agensi Kerajaan serta anak-anak syarikat mereka merupakan beban yang hebat kepada kewangan Kerajaan, kerana pertamanya, pelaburan secara bentuk peruntukan langsung daripada Wang yang Disatukan, serta secara pinjaman dari Kerajaan Persekutuan merupakan rompakan daripada peruntukan bagi tujuan lain. Contohnya, peruntukan yang boleh digunakan untuk membangunkan infrastruktur, lebuh raya dan sebagainya telah dialirkan kepada tujuan melabur dalam agensi-agensi Kerajaan serta anak-anak syarikat itu.

Yang keduanya, pinjaman dari luar negeri untuk membiayai pelaburan atau projek-projek yang dilaksanakan oleh anak-anak syarikat di bawah agensi-agensi Kerajaan, pinjaman luar negeri itu pun kadangkala dijamin oleh Kerajaan Pusat telah menambah tekanan hutang awam negara kita yang memberi satu tekanan tambahan kepada keupayaan atau kemampuan negara kita.

Sebab ketiga ialah mengandungi import tinggi dalam projek-projek yang dijalankan oleh anak-anak syarikat di bawah agensi-agensi Kerajaan dan kandungan import itu menjejaskan imbalan pembayaran negara kita pada ketika sekarang yang mana kita mengalami defisit di dalam imbalan pembayaran negara kita, kita tidak mampu lagi membebaskan kerugian yang besar yang ditunjukkan oleh ramai anak-anak syarikat di bawah agensi-agensi Kerajaan.

Pada masa sekarang juga yang mana negara kita mengalami masalah ekonomi meleset, tugas utama negara

kita dalam hal ini, dalam mengawal aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi awam ialah supaya memastikan:

- (i) dasar melaksanakan projek-projek memakan peruntukan besar itu harus memberi keutamaan kepada keuntungan, yang pertama sekali dari segi cost benefit analysis;
- (ii) kawalan kewangan dipertingkatkan, dikedatkan untuk mencegah pembaziran dan menjimatkan perbelanjaan khususnya perbelanjaan overhead dalam menjalankan perniagaan-perniagaan berkenaan;
- (iii) ialah projek-projek semua itu perlu dikesan dan dilaksanakan dengan efficiency maksima. Katau tiada efficiency, memang pembaziran wujud;
- (iv) Sebelum apa-apa projek baru dilaksanakan atau dirancang, faktor pertama di dalam pertimbangan negara kita ialah viability-viability perlu menjadi pra-syarat bagi semua pelaburan baru.
- (v) tugas negara kita ialah projek-projek yang telah gagal yang telah menunjukkan kerugian besar dalam tempoh yang berpanjangan, projek itu perlu dikaji semula supaya ianya dapat revempt ataupun ditutup sama sekali supaya di write off, dengan izin.

Seterusnya saya ingin menyentuh kepada program di bawah Butiran 030100—PKEN dan Anak-anak Syarikat. Program ini mempunyai dua aktiviti iaitu bahagian Penyelarasan Pembangunan dan Pelaburan PKEN yang bertanggungjawab mengawasi, menyelaras dan menilai 13 buah PKEN.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh saya ingin memberi tumpuan kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak atau Sarawak Economic Development Corporation (SEDC). Menurut jawapan yang telah diberi kepada saya oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini, kedudukan untung rugi bagi tempoh berakhir 31hb Disember, 1986 menunjukkan bahawa dari 27 buah syarikat SEDC Sarawak itu, adalah didapati 15 buah anak-anak syarikat yang sudah menunjukkan kerugian besar. Kerugian yang besar telah ditunjukkan oleh sebuah anak syarikat iaitu BPES Resorts Sdn Bhd dengan modal berbayar \$1 juta. BPES Resorts ini untuk menubuhkan tempat perniagaan perhotelan. Anak syarikat di bawah SEDC ini telah menunjukkan kerugian sebanyak walaupun dengan modal \$1 juta sahaja, tetapi ianya sudah menunjukkan kerugian terkumpul sebanyak \$6.7 juta.

Satu syarikat lain iaitu anak syarikat itu, namanya Black Gold Sdn Bhd yang menjalankan perniagaan perusahaan luar pantai bagi membantu industri petroleum dengan modal berbayar sebanyak \$4.3 juta pun menunjukkan kerugian terkumpul sejumlah \$6 juta.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Sebuah anak syarikat lain iaitu Progressive Insurance Sdn Bhd yang menjalankan perkhidmatan agen insuran dengan modal sebanyak \$7.4 juta juga menunjukkan kerugian terkumpul sebanyak \$6.6 juta. Yang besar sekali, pelaburan dalam Yayasan Sabah Shipping Sdn Bhd sebanyak \$5 juta telah membuktikan bahawa pelaburan ini adalah pelaburan yang kurang bijaksana kerana Yayasan Sabah Shipping Sdn Bhd telah menunjukkan kerugian besar hampir \$17 juta.

Saya sedar bahawa SEDC telah menjual saham-sahamnya dalam Yayasan Sabah Shipping Sdn Bhd ini pada 28hb Februari, 1987. Saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh memberi angka harga saham yang dijual dibandingkan dengan harga ataupun kos saham asalnya supaya kita tahu berapa banyakkah telah dirugikan oleh SEDC kerana penjualan saham ini.

Untuk mendapatkan gambaran jelas terhadap prestasi SEDC di negeri Sarawak saya menggunakan Sarawak sebagai contoh sahaja, saya percaya memanglah di dalam semua PKEN di Semenanjung Malaysia dan Sabah masalah yang sama pun wujud dan untuk mendapatkan gambaran jelas terhadap prestasi SEDC ini saya baca dari Laporan Ketua Audit Negara bagi SEDC untuk tahun 1985 yang berbunyi seperti berikut. Ini bagi tahun 1985 sahaja dan angka ini adalah kurang kalau dibandingkan dengan angka yang saya sebutkan tadi bagi tahun 1987.

*(Dengan izin)*

"The SEDC has investments in 21 subsidiaries totalling \$98.31 million and \$37.09 million in 24 associate companies".

Ini menurut Laporan Ketua Audit Negara. Saya teruskan:

"Work in progress related to housing development projects amounts to \$76 million. These investments are financed by the Sarawak State Government in loan totalling \$115.6 million and \$71.2 million of short-term loans from the private sector".

Saya minta Dewan yang mulia ini mengambil berat komen dari Ketua Audit Negara ini:

"Information regarding performance of the subsidiaries and associate companies is not yet

available. The Corporation is facing liquidity problems and has defaulted in loan repayments and interests to the State totalling \$23.63 million for the period 1977 to 1985".

Tuan Pengerusi, maka adalah paling jelas dari segi untung-rugi dan dari segi kegagalan membayar balik hutangnya, SEDC di negeri Sarawak telah jadi tidak viable dan kalau ianya bukan satu agensi Kerajaan yang kuat, yang mempunyai kuasa luas, yang mempunyai sokongan yang kuat, kalau ianya tidak begitu, kalau adanya SEDC ini satu syarikat swasta sahaja memang dia sudah tutup pintu perniagaan. Saya memberi dua contoh bagaimana projek-projek itu telah gagal.

Contoh yang pertama, satu kes yang saya sebutkan tadi iaitu BPES Resort Sdn Bhd yang mana \$44 juta telah dilaburkan untuk membina Damai Beach Resort di pantai Santubong di negeri Sarawak. Tempat ini tidak jauh dari Kuching dan saya tahu apa yang berlaku di situ yang mana pembinaan resort ini telah diberikan kepada suatu kontraktor, Woodhouse Company yang mana bil-bil pembinaan resort ini mengandungi banyak variation orders berjuta-juta ringgit yang tidak disetujui di dalam kontrak yang asal. Saya sedar bahawa ini adalah amalan biasa iaitu dalam semua perjanjian pembinaan memang ada satu variation orders clause, tetapi dalam kes ini saiznya berjumlah berjuta-juta ringgit.

Contohnya, untuk menggantikan pasir putih yang telah ditaruh di atas pantai ini kerana pantai asal itu tidak mempunyai pasir putih yang cantik, ini pun memakan variation order sebanyak \$2.8 juta. ....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila gulungkan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Okay.

Satu contoh lagi ialah Taman River View. SEDC melaksanakan rancangan perumahan. Selepas itu rumah-rumah terjatuh oleh kerana mutu pembinaan amat rendah, lantai pun runtuh, dinding pun sudah patah maka orang yang membeli rumah itu sudah menghadapkan kes ini kepada mahkamah di Kuching. Oleh kerana itu, tidak ada banyak orang lain yang mahu membeli rumah ini lagi dan Taman River View Project ini akan gagal sama sekali.

Sebagai menggulung, saya ingin memberi beberapa cadangan seperti berikut:

- (1) Semua pelaburan PKEN dan anak-anak syarikat perlu dikawal ketat, khususnya dari segi perancangan viability dan pengurusannya;
- (2) menghapuskan amalan mewah yang tidak perlu dalam projek-projek "white elephant";
- (3) mengelakkan daripada amalan memperasingkan dengan pihak swasta, contohnya perumahan dan pembuatan bahan-bahan pembinaan rumah;
- (4) menyusun semula struktur di dalam semua anak-anak syarikat yang gagal untuk memaksimumkan kegunaan aset-aset dan sumber-sumbernya;
- (5) menjualkan projek-projek yang sudah gagal kerana tidak berkesan dalam pengurusannya untuk memperbaiki kedudukan liquiditynya.

Walaupun demikian, semua orang tahu kalau satu syarikat amat untung memang orang mahu membeli dan kalau syarikat itu sudah gagal, sudah rugi, bagaimana hendak mencari orang yang mahu membeli syarikat itu dan inilah satu dilema untuk dasar penswastan Kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

4.07 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob (Rantau Panjang):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 153, Maksud Bekalan 33. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Muka surat 153, Butiran 020000 Perlesenan.

Apa yang saya suka bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah bahawa pertumbuhan pembangunan di luar-luar bandar terutama sekali jalan raya-jalan raya makin bertambah daripada masa ke semasa dan juga pembangunan penduduk masih meluas daripada satu kawalan ke satu kawasan disebabkan projek-projek rumah telah pun begitu meluas di negara kita ini.

Maka memandangkan masalah ini bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut, memandangkan kemudahan-kemudahan iaitu kereta sewa atau teksi yang patut dibekalkan bagi kawasan-kawasan tersebut manakala perkembangan ini wujud di seluruh negara kita, maka bagi pihak pengguna-pengguna adalah mustahak supaya di kawasan-kawasan itu dibekalkan dengan kereta-kereta sewa atau teksi untuk kemudahan kepada mereka. Malangnya kadangkala masalah ini adanya di antara mereka yang cuba membuat mengisi borang menghantarkan kepada pihak Lembaga Pelesenan, apa yang mendapat sungutan oleh pihak mereka bahawa permohonan mereka itu dianggapkan tidak begitu. . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak cukup kuorum.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran)** Setiausaha. sila bilang. Tidak cukup. sila bunyikan loceng.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir.)*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. sila teruskan.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Pengerusi, apa yang selalu menjadi masalah kepada mereka yang memohon untuk mendapat permit kereta sewa ialah kelambatan proses sehingga di antara mereka yang mengadu kepada Wakil-wakil Rakyat terutama sekali dan kepada pihak-pihak yang berkenaan, permohonan niereka terpaksa memakan masa agak bertahun-tahun dan kadang-kadang mereka menerima kad jawapan yang mengatakan bahawa permohonan tuan dalam pertimbangan. Maka mereka terpaksa memegang kad jawapan itu dengan memakan masa agak bertahun juga. Ini juga menimbulkan masalah kepada pemohon-pemohon. Kemudian apabila dipanggil temuduga maka di antaranya gagal dalam temuduga disebabkan akaunnya tidak ada, sedangkan mereka telah pun ada kereta sendiri. Ini pun juga menjadi masalah. Mereka gagai disebabkan mereka tidak dapat membuktikan akaun dalam bank sedangkan mereka telah pun ada mempunyai kereta sendiri.

Oleh hal yang demikian, bagi pihak saya memohon kepada Menteri yang berkenaan supaya sekiranya jawapan yang diberi kepada pemohon-pemohon, kalau boleh tidak memakan masa yang begitu lama supaya tidak timbul masalah-masalah kepada masyarakat kita di hari ini. disebabkan kita maklum bersama apa yang

dianggapkan oleh masyarakat kita hari ini, menjadi pemandu teksi ini satu daripada mata pencarian di antara masyarakat kita. manakala permohonan mereka tidak dapat diberi layanan yang baik, maka mereka mengangap satu masalah. terutama sekali kepada Kementerian yang berkenaan dan juga kepada Kerajaan hari ini. Oleh ini, saya mengharapkanlah kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberi jawapan yang baik sama ada permohonan itu dupat diluluskan ataupun tidak supaya jangan memakan masa yang agak lama. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Silakan Yang Berhorrtiat.

4.14 ptg.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah Kepala 03 . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Mukasurat 153. 030000—Pengawasan dan Penyelarasan oleh Kementerian akan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang jatuh di atas Kepala 030100.

Tuan Pengerusi. sebagaimana kita sedia maklum. Kementerian Perusahaan Awam adalah bertanggungjawab bukan hanya untuk membangunkan sektor ekonomi di peringkat Persekutuan, tetapi memberi bantuan. grant. dengan izin, kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan sudah tentulah dengan adanya pelaburan oleh Kementerian di peringkat Persekutuan, pihak Kementerian mengharapkan keuntungan kemajuan daripada apa yang dilaburkan dan wang yang dilaburkan diharapkan dapat kembali membawa untung kepada

Kementerian dan kepada masyarakat keseluruhannya dan begitu jugalah pelaburan dan peruntukan ataupun bantuan diberi kepada Kerajaan Negeri ataupun Perbadanan kemajuan Ekonomi Negeri di Malaysia ini, termasuklah Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, dalam aspek ini, saya rasa setelah Kerajaan Persekutuan. iaitu Kementerian Perusahaan Awam memberi bantuan ataupun "grant" peruntukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun pinjaman kerana Kerajaan-kerajaan Negeri mendapat pinjaman kepada keseluruhannya. maka yang perlu ialah saya rasa pengawasan dibuat ke atas pemberian pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini kerana kadangkala saya dapati bahawa pengawasan ini kurang hinggakan pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri yang diharap oleh pihak Kementerian mendapat keuntungan tidak membuahkan keuntungan. tetapi sebaliknya mendapat kerugian yang besar hinggakan beban itu ditanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan juga pihak Kementerian. Jadi. oleh kerana itu saya berharap dan mencadangkan supaya pengawasan ini seharusnya dititikberatkan dan seharusnya dijadikan senjata yang berkesan ke arah menentukan supaya pelaburan yang dibuat sama ada oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri itu akan membawa buah yang berhasi! kepada Kementerian dan juga kepada negara. Sebagaimana kita sedia maklum wang yang dilaburkan oleh Perbadanan itu ialah wang rakyat daripada cukai yang dikenakan daripada rakyat, oleh kerana itu kita harus menentukan supaya apa yang kita laburkan itu menguntungkan rakyat.

Keduanya ialah Penyelarasan sebagaimana yang disebutkan di sini, memang setuju bahawa penyelarasan itu harus dititikberatkan.

Namun demikian, soalnya adakah penyelarasan itu benar-benar berjalan dengan betul oleh pihak Kementerian dan Kerajaan Persekutuan kerana kadangkala projek-projek yang dijalankan tidak selaras hinggan ini juga membawa keuntungan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang menjalankannya.

Ketiga, ialah penglibatan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Kadang-kadang projek-projek yang ditubuhkan itu adalah projek-projek yang tidak memberi manfaat dan ada kalanya juga projek-projek yang dilibatkan ialah projek yang sepatutnya dijalankan oleh kumpulan Bumiputera kecil-kecilan, tetapi diambilalih oleh pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Misal kata inenjual daging. Itu boleh dijalankan oleh Bumiputera yang begitu lama menceburkan diri, tetapi kini diambilalih oleh pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, sedangkan ini bertahun-tahun, berkurun-kurun berada di tangan individu bumiputera yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan, tetapi tiba-tiba diambil-alih oleh pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan begitu jugalah perkara-perkara kecil yang lain seperti .....

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh saya tanya dengan lebih dekat lagi untuk mendapat penjelasan. Pohon diberikan contoh bumiputera ini tiba-tiba diambil oleh orang lain. Beri contoh.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Pengerusi, bukan diambil oleh orang lain. Saya kata diambil alih oleh Perbadanan Kemajuan Negeri.

Mungkin orang lain tetapi masih bumiputera juga saya fikir kerana anggapan dalam konteks Perbadanan Kemajuan Negeri ialah suatu perbadanan yang diadakan untuk menjalankan sesuatu yang besar-besaran bagi pihak bumiputera.

Namun demikian mungkin ada juga yang menganggap ini diambil alih oleh orang lain. Hendak beri contoh spesifik itu.

Tuan Pengerusi, jadi projek-projek yang dilaburkan itu mestilah jangan bersaing dengan apa yang sepatutnya dijalankan oleh golongan bumiputera yang kecil-kecilan ini yang ingin hidup, yang ingin terus hidup dengan perniagaan yang kecil-kecilan ini. Tetapi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri mestilah menjalankan sesuatu yang bumiputera itu tidak boleh jalankan. Tetapi akhirnya setelah diurus diwujudkan dengan baik dan berkesan dipindahkan ke tangan bumiputera yang difikirkan boieh menjalankan perniagaan besar-besaran tadi. Ini saya fikir hala tujuan yang harus diuruskan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ataupun yang lain-lain.

Tuan Pengerusi, begitu jugalah dari segi laporan misal kata, kadang-kadang saya tahu Kementerian menerima laporan ini memang daripada Perbadanan Kemajuan Negeri. Laporan sama ada baik atau tidak itu, saya ada menyoal di Parlimen ini sama ada ini rugi atau untung. Menianglah kalau laporan itu datangnya daripada perbadanan itu sendiri Pegawai-pegawai yang bekerja di Perbadanan itu tentunya laporan itu baik 100% tetapi kalau laporan itu daripada orang lain, mungkin lain juga laporannya dan penjelasannya mungkin lebih jelas daripada apa yang diberi oleh pegawai-pegawai yang bekerja di perbadanan itu sendiri.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah dari aspek peluang-peluang perniagaan diberi kepada bumiputera kadangkala

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini walaupun pada hakikatnya bertujuan untuk membantu bumiputera kecil-kecilan untuk mendapat peluang tetapi kadang-kadang oleh kerana pemberian itu tidak tentu arah maka akhirnya sistem Ali-Baba masih berjalan dengan cergas kerana golongan bumiputera yang diberi itu ialah golongan yang salah. yang tidak sepatutnya mendapat peluang itu dan tidak boleh menjalankan tetapi terpaksa berhubung rapat dengan yang bukan bumiputera yang boleh menjalankan yang menjanjikan ini dan itu, jadi akhirnya yang menjalankan perniagaan secara tidak langsung tetapi mendapat untung yang besar ialah yang bukan bumiputera tetapi yang bumiputera ini hanya nama sahaja, joint venture. we join you venture. itu mungkin terminologi yang boleh dikatakan. dia gunakan. I joint you venture, yang bumiputera join, yang bukan bumiputera venture. Akhirnya jadi Ali-Baba yang sebenarnya.

Jadi itu perlu kita awasi supaya perkara ini tidak akan berterusan, supaya hasrat kita untuk membantu bumiputera itu akan menjadi kenyataan dan supaya apa yang kita harapkan daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru akan menjadi kenyataan bukan hanya kepada pihak Kerajaan tetapi kepada rakyat jelata.

Tuan Pengerusi. yang satu lagi ialah peruntukan kepada Negeri Sarawak \$2 juta daripada \$40 juta. Di Semenanjung Malaysia \$40 juta diberi kepada Sarawak \$2 juta. Walaupun saya ini ada juga sedikit-sedikit berselisih faham dengan kepimpinan Kerajaan Negeri politik sedikit, tetapi saya tolong jugalah menyuarakan kerana yang untung kalau diberi banyak bukan kepimpinan rakyat. Jadi. kalau dapat dipohonlah peruntukan yang lebih besar kepada rakyat Sarawak. bukan kepada

pemimpin Sarawak tetapi kepada rakyat Sarawak menerusi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini supaya rakyat dapat menikmati nikmat ataupun keuntungan daripada Dasar Ekonomi Baru kerana kalau \$40 juta itu dibandingkan dengan \$2 juta ertinya 20 kali ganda lebihkurang sedikit daripada apa yang sepatutnya diperolehi sedangkan saiz Negeri Sarawak hampir sama dengan Semenanjung Malaysia. Adalah adil saya rasa kalau jumlah itu diperuntukkan, itu pinjaman mungkin asasnya ialah setakat mana Kerajaan Negeri boleh membayar balik daripada keuntungan perniagaan yang dijalankan.

Jadi itu sahaja daripada saya, Tuan Pengerusi. peruntukan ataupun permohonan oleh Kementerian ini saya harap diluluskan oleh Kerajaan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Menteri menjawab.

*4.27 ptg.*

**Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar):** Tuan Pengerusi. saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat yang telah sudi bangun untuk memberi cadangan-cadangan dan teguran-teguran kepada Kementerian Perusahaan Awam.

Saya ingin juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak membangkitkan apa-apa perkara mungkin mereka berasa puas hati dengan Kementerian.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi. ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pada tahun 1988 ini Kementerian Perusahaan Awam telah mendapat peruntukan sebanyak \$116,710,010 sahaja. Daripada jumlah ini sebanyak

\$16,130,000 atau 13.8% adalah bagi Maksud perbelanjaan mengurus dan sebanyak \$100,580,010 atau 80.62% adalah untuk maksud perbelanjaan pembangunan.

Untuk peruntukan sebanyak \$16 juta yang telah saya sebutkan tadi adalah untuk mengurus merupakan hanya 6% daripada jumlah yang telah diluluskan untuk tahun 1987 iaitu sebanyak \$263,893,400 dan kekurangan yang besar ini mungkin Ahli Yang Berhormat sedia maklum ialah kerana Lembaga Padi dan Beras Negara yang dahulunya di bawah Kementerian Perusahaan Awam telah dipindahkan kepada Kementerian Pertanian. Jadi, untuk maksud pembangunan hanyalah sebanyak \$100,580,000 telah diperuntukkan bagi tahun 1988 ini dan ini merupakan pemberian secara pinjaman kepada semua SEDC dan agensi-agensi Kerajaan. Dan ini rasa saya saya sebutkan ini kerana Ahli Yang Berhormat dari Simunjan tadi telah pun memohon supaya diperbanyakkan lagi atau diperbesarkan peruntukan bagi Negeri Sarawak tetapi kalau diperhatikan seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum peruntukan telah pun dikurangkan pada tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tadi telah pun membangkitkan perkara berkenaan dengan rumah-rumah yang tidak dapat dijual dan telah pun memberi beberapa cadangan. Sebenarnya cadangan-cadangan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini tadi telah pun saya umumkan sebagai satu strategi yang akan Kementerian mengambil untuk meneruskan penjualan rumah-rumah ini dan saya telah pun sebutkan mi semalam semasa saya di Johor.

Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih dan saya akan mengambil berat cadangan-cadangan Yang Berhormat dari Sandakan itu.

Saya ingin juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Nibong Tebal. ingin saya mengumumkan di sini iaitu mulai 1hb Januari, 1988 Kementerian akan menguatkuasakan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan tahun 1988 dan dengan ini nama Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan ditukar kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.

Ini adalah sejajar dengan pertukaran nama yang diperuntukkan di dalam Akta tersebut. Selaras dengan pelaksanaan Akta baru ini. Lembaga-lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan atau selepas 1hb Januari 1988 dikenali Lembaga-lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan akan menukar beberapa prosedur dan amalan-amalan yang dipakai di masa ini bertujuan untuk memudahkan semua pihak berurus dengan Lembaga-lembaga.

Juga mulai 1hb Januari tahun 1988 lesen-lesen hanya akan dikeluarkan oleh Lembaga-lembaga kepada pelesen-pelesen yang telah dapat membuktikan kenderaan yang mereka perlukan telah dibeli ataupun membuktikan mereka telah committed ke atas memperolehi sesebuah kenderaan yang hendak dibeli oleh mereka. Tempoh juga bagi mereka untuk melesenkan kenderaan berkenaan dengan JPJ akan disamakan dengan Semenanjung, Sabah dan Sarawak iaitu satu tahun. Sehalu dari tarikh lesen dikeluarkan. Lembaga berpendapat tempoh ini adalah yang paling sesuai dan sekiranya kenderaan-kenderaan tidak dileSENkan di dalam tempoh tersebut

Lembaga-lembaga akan mengambil tindakan untuk membatalkan lesen-lesen yang diluluskan itu.

Di masa lalu seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi juga didapati pelesen-pelesen telah gagal membuat permohonan untuk membarui lesen-lesen sebelum tamat tempoh lesen berkenaan, dan di masa lalu Lembaga telah bersifat lembut dan atas sebab-sebab peri kemanusiaan masih menerima dan memproses permohonan membarui lesen yang telah tamat tempoh sah lesen, padahal ini tidak selaras dengan kehendak undang-undang yang memerlukan mereka membuat demikian sebelum tarikh tamat lesen. Oleh itu, mulai 1hb Januari 1988 Lembaga-lembaga tidak akan melayani atau meneruskan pertimbangan bagi lesen-lesen yang hendak dibarui yang mana permohonan dibuat setepas tamat tempoh lakunya lesen itu. Jadi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi supaya kita dapat memperbaiki dan memperkemaskan lagi industri transport ini saya akan mengambil tindakan. Sebenarnya untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pegawai-pegawai di dalam Kementerian telah pun membuat kajian-kajian supaya dapat kita memperkemaskan lagi industri lori di negara kita ini.

Kepada Ahli Yang Berhormat tadi dari Rantau Panjang yang telah pun memberi pandangannya dan memohon supaya kita mempercepatkan memproses permohonan-permohonan permit teksi dan sebagainya, insya Allah di masa akan datang Lembaga akan berusaha untuk mempercepatkan memproses permohonan ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga hendak mengambil kesempatan di sini untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuching

yang telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan Perbadanan Ekonomi Kemajuan Negeri (PKEN) (State Economic Development Corporation).

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini iaitu apa yang dapat dikesankan. Jumlah syarikat yang diawasi oleh Kementerian Perusahaan Awam yang boleh dikesan pada hari ini ialah lebih kurang 300 syarikat. Daripada syarikat-syarikat ini dan anak-anak syarikatnya, saya dapati syarikat-syarikat yang termasuk juga agensi yang mengalami kerugian terkumpul adalah 168; dan syarikat-syarikat yang termasuk juga agensi yang mendapat keuntungan terkumpul pula adalah sebanyak 133. Jumlah kerugian terkumpul ini yang dapat saya beri angka iaitu bagi tahun kewangan 1985/1986 kerana bagi tahun 1987 ini belum lengkap lagi dan saya tidak boleh menggunakannya. Jumlah kerugian yang terkumpul ialah sebanyak \$869,191,464. Jumlah keuntungan terkumpul pula adalah sebanyak \$897,137,295. Daripada angka ini kita dapati jumlah untung adalah lebih kurang \$30 juta.

Jadi, soal berkenaan dengan untung rugi syarikat ini juga disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi. Saya taham akan kebimbangan mereka kerana kita perlu mengadakan, dengan izin, public accountability. Tetapi saya rasa, Tuan Pengerusi, selalunya kita tidak sentuh, jurang-jarang sekali kita sentuh berkenaan dengan keuntungan yang kita dapat di dalam kerugian-kerugian ini. Keuntungan-keuntungan yang saya ingin sebutkan ini ialah keuntungan yang kita tidak dapat nilaikan dengan wang ringgit.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui beberapa agensi-agensi atau syarikat-syarikat ini diwujudkan seperli dikatakan oleh

Yang Berhormat dari Simunjan. supaya kita dapat memberi peluang-peluang bagi bumiputera untuk menceburkan diri atau menerokai bidang-bidang perusahaan yang tidak dapat dijalankan oleh bumiputera secara persendirian. Jadi, selalu kita tidak sentuh berkenaan dengan peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan. peluang-peluang seperti mendapatkan latihan-latihan dan kemahiran-kemahiran terhadap usahawan-usahawan bumiputera yang kita wujudkan ataupun kita lupa tentang penjimatan-penjimatan pertukaran wang asing dapat kita tingkatkan. Semua ini, Tuan Pengerusi, adalah faedah-faedah yang dinikmati oleh negara hasil dari pelaburan Kerajaan dalam Syarikat-syarikat.

Tuan Pengerusi yang saya hormati, pencapaian apa yang saya sebutkan tadi dari segi keuntungan adalah lebih daripada kerugian, tetapi media massa dan juga kita sendiri kadang-kadang tidak mahu atau tidak nampak dan lebih memberi perhatian selalunya kepada kerugian sahaja. Mungkin elok juga kita dapat ceritakan juga berita-berita tentang keuntungan di dalam kerugian ini.

Saya ingin juga menyebut di sini mengenai Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang selalu dikecam di mana juga tbrum yang diadakan kerana kerugian-kerugian yang terdapat di agensi-agensi tersebut. Saya telah melihat angka-angka kewangan dan saya pernah menyebutkan ini dan saya clapati datam akhir tahun 1986 hanya satu sahaja SEDC yang menanggung kerugian terkumpul. Kita mempunyai 13 SEDC. 12 yang lain semuanya merekodkan keuntungan yang terkumpul yang berjumlah lebih-kurang \$1.3 billion. Ini adalah satu kejayaan, terutama sekali apabila kita ambilkira SEDC-SEDC ini bukan juga menjalankan projek-projek aktiviti-aktiviti komersial atau ekonomi, tetapi

juga mereka mempunyai tanggung-jawab sosial yang mempunyai kos yang tinggi. Jadi, saya berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat akan memahami juga akan masalah yang dihadapi oleh SEDC-SEDC ataupun PKEN-PKEN ini.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah meminta kami di Kementerian untuk mengawas, menyelaras dan juga memberi perhatian yang berat kepada perbelanjaan-perbelanjaan di bawah anak-anak syarikat dan juga agensi-agensi di dalam KPA. Insya Allah, dengan adanya teguran-teguran begini kita akan sentiasalah menjalankan tugas kita dengan baik.

Tuan Pengerusi. tadi saya ada juga diminta oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching supaya saya memberi gambaran yang sebenarnya berkenaan dengan Sabah Shipyard yang telah menjualkan sahamnya dan meminta gambaran supaya beliau dapat mengetahui kerugian yang dialami oleh Sabah Shipyard. Nampaknya hari ini otak saya tak berjalan seperti komputer. mungkin di masa yang lain saya akan dapatlah memberi dengan cara bertulis kepada Yang Berhormat tentang permintaannya itu.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang begitu sedar tentang perjalanan SEDC. terutamanya kepada Sarawak. Memanglah tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat untuk mengawasi perjalanan ini dan sepertimana saya katakan tadi tentulah tidak semuanya itu dapat berjalan dengan mendapat keuntungan. memang ada kerugian-kerugian dan ini adalah orang katakan "business" biasa. Kalaunya di dalam business memanglah ada risiko-risikonya dan adakalanya kita ada kerugian dan adakalanya kita

mengalami keuntungan. dengan izin, you can't win all: you win some, you lose some.

Tuan Pengerusi, saya fikir itulah tadi beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya ada lain yang mana tertinggal. mungkin saya dan juga pegawai-pegawai yang mana telah pun mengambilkira tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan kita akan membuat beberapa perkara perubahan. membaiki atau pembetulan supaya dapat menjalankan kerja-kerja di dalam Kementerian dengan baik.

Untuk menjawab sedikit lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunan berkenaan dengan syarikat-syarikat ataupun perniagaan-perniagaan yang difikirkan perlu diambilalih oleh bumiputera, saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat. Memang sebenarnya seperti mana saya sebutkan awal tadi agensi-agensi di bawah Kementerian ini memang menerokai bidang-bidang perusahaan yang belum diterokai oleh bumiputera dan di mana kita dapati ahli-ahli perniagaan atau perusahaan bumiputera yang mempunyai kemampuan. kebوتهan daripada segi teknikal dan juga daripada segi kewangan untuk menjalankan sesuatu perusahaan itu. memanglah dasar Kerajaan untuk menyerahkan perusahaan-perusahaan atau aktiviti atau perniagaan itu kepada mereka. Sebagai contohnya, kebelakangan ini saya ingin memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat iaitu sebanyak 42 buah syarikat PKEN telah pun dijual kepada bumiputera yang melibatkan ekuiti sebanyak lebih kurang \$15.5 juta dan sebanyak sebuah syarikat pula telah dijual kepada bukan bumiputera dan 2 buah syarikat lagi kepada syarikat luar negeri. Ini adalah sebagai contoh dan bukti kepada Ahli Yang Berhormat di mana kita dapati mereka itu boleh

menjalankan perniagaan, kita telah memberi mereka juga peluang untuk menjalankan perniagaan.

Tuan Pengerusi. rasa saya setakat ini sahaja sebabnya tidak banyak perkara lain yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. mungkin masa pun tidak mengizinkan. Saya mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada 5 orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan menyokong peruntukan bagi Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$16,130,000 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,130,000 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$100,580.010 yang disebutkan dalam Maksud P.33 dalam Anggaran Pembangunan. 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$100,580.010 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan. 1988.

*Maksud B.34 (Jadual)—*

*Maksud P.34 (Anggaran Pem-*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bakri.

4.50 ptg.

**Tuan Chua Jui Meng (Bakri):** Tuan Pengerusi, saya ingin membahas di atas muka surat 160 Maksud Bekalan B.34, butiran (0000) Perkhidmatan Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, untuk mulai ucapan saya, saya hendak merujuk kepada jumlah peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan ini iaitu secara Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan berjumlah \$1.24 bilion pada tahun yang akan datang. Ini berbanding dengan tahun ini peruntukannya sejumlah \$1.17 bilion yang diberikan. Ini menunjukkan satu kenaikan pada tahun yang akan datang dan membuktikan Kerajaan jujur terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan rakyat jelata.

Tuan Pengerusi dalam perkhidmatan kesihatan awam, satu sumbangan yang besar sudah diberi oleh Kementerian Kesihatan kepada orang awam yang pada masa ini kita lihat ramal daripada rakyat jelata, dengan izin, have taken for granted perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian ini. Tetapi sumbangan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian ini begitu penting kepada rakyat jelata, satu social service yang begitu perlu dan penting dan kalau kita lihat kepada negara-negara lain yang sedang membangun, perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan di negara kita ini boleh disanjung tinggi oleh rakyat jelata.

Kita faham dan kita sedar pada masa kini hospital-hospital kita yang ada sekarang telah memberikan perkhidmatan kepada rakyat jelata dan kita pun sedar doktor-doktor di hospital kita telah bekerja bertungkus iumus dan ramai para doktor kita bekerja setiap hari dalam masa yang panjang daripada awal pagi sehingga lewat malam. Dan saya dapati di hospital di kawasan saya iaitu di Hospital Daerah Muar, saya boleh mengesahkan doktor-doktor di sana, doktor biasa, doktor pakar yang bekerja bertungkus lumus untuk rakyat jelata.

Kesan dari sumbangan daripada Kementerian Kesihatan boleh ditunjukkan melalui angka-angka yang saya ada pada hari ini seperti kita lihat kepada kadar kematian bayi (infant mortality rate). Bagi tahun 70an, kadar kematian bayi sebanyak 40.8 tiap-tiap seribu bayi. Pada tahun 1980 kadar kematian bayi sudah pulih dan turun kepada 25 tiap-tiap seribu bayi dan ini terus bertambah baik sebab pada tahun 1984, pada tiap seribu bayi kadar kematiannya ialah 17.5. Kalau kita bandingkan daripada tahun 1970 dengan tahun 1984, kita menunjukkan penurunan kadar kematian bayi daripada 40.8 ke 17.5,

Kadar kematian kanak-kanak (toutless mortality rate) iaitu daripada umur 1-4 tahun telah pun maju (improved) dan buktinya pada tahun 1970 daripada setiap seribu kanak-kanak, kadar kematian ialah 1.5 sampai ke tahun 1980an turun kepada 0.4% iaitu pada tahun 1984.

Dengan penyakit berjangkit seperti malaria, batuk kering dan penyakit semasa bayi yang berkurangan telah menunjukkan keberkesanan keseluruhan program kesihatan Kerajaan. Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, penyakit malaria—penyakit malaria pada masa dahulu adalah satu penyakit yang melibatkan

beribu-ribu penduduk di negara kita. Contohnya pada masa dahulu sebanyak 300,000 kes malaria setiap tahun, tetapi sehingga 1985 sudah turun kepada 10,000 kes sahaja iaitu satu keadaan yang baik.

Demikian juga berkenaan dengan penyakit seperti penyakit kerongkong dan polio telah berkurangan dengan banyak. Seperti polio, polio pada satu masa dahulu satu penyakit yang mengkhawatirkan rakyat jelata kita dan telah menjejaskan kebanyakan bayi-bayi di negara kita, tetapi kita faham pada tahun 1985 penyakit polio di negara kita baru hanya 4 kes sahaja. Dan apakah kesan-kesan daripada sumbangan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan, kepada rakyat jelata. Ini adalah jelas sebab daripada sumbangan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan, jangka hayat setiap penduduk di negara kita sudah meningkat, sudah dipanjangkan sebab angka-angka yang boleh diberikan pada tahun 1970, jangka hayat pukol rata umur lelaki, kita boleh hidup, termasuk Ahli-ahli Parlimen, ialah 63 tahun. Untuk kaum wanita ialah 68 tahun, tetapi tahun 1978 jangka hayat untuk lelaki sudah dipanjangkan daripada 63 tahun ke 66 tahun dan pada tahun 1985 meningkat ke 67.6 tahun, dengan izin the chances of living longer are better as the years go by.

Bagi kaum wanita, jangka hayat mereka di negara kita 1980, the average life span ialah 72 tahun dan pada tahun 1985 meningkat kepada 73 tahun. Dari apa yang ditunjukkan oleh angka-angka ini membuktikan:

- (i) jangka hayat penduduk di tanahair kita kian meningkat;
- (ii) jangka hayat kaum wanita lebih panjang daripada jangka hayat kaum ielaki di negara kita, sebab itu kita boleh lihat di tanahair kita wujud lebih ramai balu daripada duda.

Dan satu lagi angka yang menunjukkan perkhidmatan kesihatan yang tadi saya cakapkan "have taken for granted" oleh rakyat jelata ialah bilangan kes rawatan bagi pesakit luar yang diberikan oleh hospital-hospital dan klinik di negara kita. Saya tahu daripada tahun 1985, sebagai satu contoh, Kementerian Kesihatan memberitahu jumlah rawatan pesakit luar yang dirawat oleh pihak Kementerian sejumlah pada tahun itu 15 juta kes. Ini bukanlah membuktikan setiap rakyat dirawat sebab jumlah penduduk di negara kita 15 juta. Ini bukan membuktikan setiap rakyat jelata di negara kita pergi ke hospital untuk mendapat rawatan sebagai pesakit luar, bukan. Sebab dalam satu tahun, mungkin seseorang pesakit pergi ke hospital berulang kali, 5-6 kali tetapi sejumlah kes yang telah dirawat oleh hospital-hospital di negara kita dan klinik-klinik kita ialah sejumlah 15 juta kes dan rawatan pesakit dalam hospital pada tahun itu sebanyak satu juta kes. Inilah sedikit sebanyak angka-angka yang menunjukkan begitu penting dan perlu perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan, iaitu satu perkhidmatan yang boleh disanjung tinggi oleh rakyat jelata.

Tuan Pengerusi, sekarang saya masuk ke muka surat 164, Maksud Pembangunan P.34, Butiran 002000 Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar; Butiran 00300 Membaiki Kemudahan-kemudahan Kesihatan. Dan akhirnya 004000 Hospital-hospital.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Dua minit lagi.

**Tuan Chua Jui Meng:** Ya. Tuan Pengerusi, mengenai Hospital Daerah Muar saya memohonlah kepada Kementerian berkenaan untuk mengkaji semula pembangunan yang diprlukan oleh hospital tersebut. Hospital Daerah Muar saya rasa

keciwa sedikit sebab dalam senarai yang panjang ini dalam bab hospital-hospital, ada banyak hospital tetapi tidak ada nampak Hospital Daerah Muar yang berada dalam kawasan saya. Ada 77 hospital yang diberikan peruntukan di muka surat 164 tetapi Hospital Daerah Muar dikecualikan atau tertinggal. Hospital Daerah Muar telah memohon dan telah diberi kelulusan di dalam Pourt or Third Malaysia Plan. kalau tidak salah saya, untuk membina sebuah asrama doktor pelatih, satu surgical ward dan satu common services block.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang diketahui oleh Kementerian, Hospital Muar di bina pada tahun 1930an. Dan kalau kita lihat kepada common services block dan surgical ward atau wad pembedahan ini telah dibina sejak 50 atau 60 tahun dahulu dan berada dalam keadaan yang buruk sekarang. Ini disebabkan bangunan itu begitu lama atau begitu tua. Sebab itu banyak kemudahan-kemudahan tidak dapat diberikan kepada wad-wad yang mustahak itu.

Saya ingin mengemukakan kepada Kementerian berkenaan iaitu Hospital Daerah Muar ada memberikan perkhidmatan kepada sejumlah satu million penduduk-penduduk di Johor Utara. Satu million! Hospital Daerah Muar dikhaskan untuk penduduk-penduduk daerah Muar. ia memberikan perkhidmatan kepada 350.000 atau 400,000 penduduk-penduduk di sana. Tetapi Hospital Daerah Muar juga merupakan sebuah hospital rujukan (a reference hospital) di mana dari daerah-daerah yang lain seperti Segamat, Batu Pahat, Ledang dirujuk kes-kes yang tenat untuk perubatan dan rawatan oleh pakar-pakar di Hospital Daerah Muar. Sebab itulah sejumlah satu million penduduk-penduduk di daerah utara Johor dapatlah perkhidmatan di Hospital Daerah Muar. Saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan agar mempertimbangkan

sekali lagi untuk memberikan peruntukan kepada Hospital Daerah Muar untuk membina surgical ward dan common services block. Begitu juga asrama doktor pelatih ....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Chua Jui Meng:** Ya. Sekarang Hospital Daerah Muar telah memberikan latihan kepada doktor-doktor Pelatih tetapi kemudahan living quarters tidak sesuai. Living quarters yang lama atau yang buruk itu telah diubahsuai seperti dapur diubah jadi bilik tidur sebab tidak cukup space untuk doktor-doktor pelatih. Dan saya merayu kepada Menteri dan Timbalan Menteri yang berkenaan untuk mengkaji semula kes Hospital Daerah Muar dan memasukkan dalam tahun yang akan datang dengan memberikan kemudahan-kemudahan kepada Hospital Daerah Muar semoga di tahun hadapan saya akan nampaklah dalam senarai hospital-hospital yang panjang nama Hospital Daerah Muar ada di dalam senarai itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Maran.

*5.05pig.*

**Tuan Mohamad bin Abdullah (Maran):** Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan peruntukan Kementerian ini, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.34, muka surat 159, Butiran 01000 Program/Aktiviti 010100 Pentadbiran Ibu Pejabat Kementerian.

Kalau kita melihat kepada buku Anggaran Belanjaan, Program dan Prestasi 1988 dijelaskan di bawah program pentadbiran muka surat 158 ada menyatakan di situ, di antara lain, ialah Kementerian ini berusaha untuk

menentukan kejayaan tujuan Kementerian dan membetulkan fungsi perkhidmatan kesihatan yang bermutu tinggi.

Tuan Pengerusi, pertama saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan dan juga kepada pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan Kesihatan dan juga di Hospital-hospital yang telah menunjukkan pekerjaan yang cekap dan bertanggungjawab. Kerana terutama sekali kalau pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai itu bekerja di hospital-hospital adalah merupakan orang yang mempunyai penuh tanggungjawab sebab melayan dan mengubati orang-orang sakit yang boleh menentukan sedikit sebanyak tentang membaiki pesakit dan juga memberikan harapan kepada pesakit-pesakit supaya sakit-sakit mereka sembuh. Dan mengharapkan supaya kecekapan sedemikian rupa diteruskan dari masa ke semasa bagi menentukan mutu perkhidmatan kesihatan dan pegawai-pegawai kesihatan kita bertambah baik dari masa ke semasa. Hanya kalau ada apa-apa kekurangan sedikit sebanyak perlulah dicari jalan supaya dapat diperbaiki.

Saya percaya di antara sebab-sebab menjadi kekurangan sedikit sebanyak ialah kerana perlamanya peruntukan yang tidak mencukupi bagi melengkapkan kemudahan-kemudahan di Kementerian dan di Jabatan-jabatan dan di Hospital-hospital itu sendiri dan juga kekurangan pegawai-pegawai ataupun doktor-doktor pakar bagi menentukan kejayaan tahap kesihatan. Jadi memang baik sekalilah Kerajaan kita menimbangkan supaya peruntukan Kementerian Kesihatan ini ditambahkan lagi dan Pegawai-pegawai Perubatan hendaklah ditambahkan bilangannya supaya mereka boleh lebih menumpukan lagi kepada pesakit-pesakit yang berkenaan.

Saya juga ingin menyatakan bahawa pesakit-pesakit memanglah memerlukan kepada perubatan yang segera, kerana kalau kita lambat memberi perubatan, sudah barang tentu pesakit-pesakit ini kadangkala hilang peringatan dan sebagainya. Jadi sebab itulah saya membayangkan supaya kita ramaikan pegawai, kita mempercepatkan urusan perubatan supaya rungutan daripada orang ramai dan juga daripada pesakit-pesakit dapat diatasi.

Seperkara yang saya hendak sentuh misalannya kalau sekiranya di klinik ataupun di bahagian pesakit yang khususnya misalnya pesakit mata, sudah barang tentu apabila hari pendaftarannya memang ramai sehinggakan tidak dapat, tidak sanggup doktor melayan. Ini adalah kerana kemungkinan doktor dalam bidang ini dan juga ramainya orang yang telah kena penyakit ini. Jadi perlulah Kementerian Kesihatan sendiri mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada Maksud Bekalan 34. muka surat 160 di bawah Butiran 030000 Perkhidmatan Rawatan Perubatan, Program atau Aktiviti 0301000 Rawatan Penyakit Am.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyuarakan di sini sebab kita ada mengkhususkan rawatan khas penyakit-penyakit lain, misalannya Rawatan Khas Kusta, Rawatan Khas T.B., tetapi saya merangkumi satu jenis penyakit di dalam Rawatan Penyakit Am, iaitu penyakit tukimia. Setahu saya memang ramai di negara kita ini yang telah mengidap penyakit sedemikian rupa. Walaupun penyakit lukimia ini selalu diterangkan oleh doktor yang berkenaan, memanglah sukar mencari ubatnya. Kerana sehingga sekarang pakar-pakar perubatan masih belum berjumpa jenis ubat yang boleh memberikan pesakit-pesakit lukimia ini akan

sembuh dengan sebaik-baiknya, melainkan kalau sekiranya kita mengadakan perubatan, adalah perubatan sementara. Tetapi walau macam manapun, ada di antara penyakit ini yang terpaksa diadakan apa yang dikatakan pemindahan darah secara terus. Ini memerlukan belanja yang besar kalau sekiranya kita berubat di luar negeri seperti di Australia misalnya, terpaksa memakan belanja \$50,000 atau \$60,000 seorang. Sebab orang yang perlu menjalankan pemindahan darah ini selain daripada pesakit itu sendiri, penjaga dan orang yang sanggup memberi pemindahan darah ataupun sum-sumnya kepada orang yang sakit mesti pergi bersama.

Walaupun di negara kita, kalau tidak silap saya, di Universiti Hospital telah mengadakan perubatan cara ini, tetapi kalau dibandingkan dengan kes-kes pesakit ini masih belum mencukupi, sebab kalau kita lihat di Hospital Besar sendiri, memang ramai jumlahnya orang-orang yang mengidapi penyakit yang sedemikian rupa. Kadang-kadang apabila kita hendak membuat rawatan sedemikian rupa, kita tidak ada alat dan kemudahannya di sana, sedangkan kita telah ada mempunyai pakar-pakar dalam urusan ini. Inginlah saya menyarankan kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya mengadakan kemudahan untuk pemindahan ini di Hospital Besar kerana walaupun pesakit ini harapannya agak tipis tetapi kepada orang yang sakit dan kepada ibubapa yang anaknya sakit, mengharapkan perubatan yang sebaik-baik mungkin, kerana umur itu ada bukan di tangan kita sebenarnya tetapi adalah ditangan Tuhan. Kalau Dia hendak memberikan umur yang panjang, walaupun orang itu sakit sedemikian rupa, kemungkinan masih ada.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan P.34, muka surat 164, Butiran 04000—

Hospital-hospital. Di bawah tajuk ini saya suka merujuk kepada Bilangan 24 Hospital Daerah Jengka. Apabila saya membuat persoalan mulut pada penggal yang lepas, pihak Kementerian telah menjawab bahawa hospital ini akan dilaksanakan dalam tahun 1988, tetapi apabila diperhatikan kepadaperuntukan 1988, hanya token 10.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya mengharapkan supaya jawapan yang diberi pada penggal yang lepas yang mana hospital ini akan dilaksanakan dalam tahun 1988 akan dicuba menentukan peruntukannya supaya boleh dimulakan projek ini pada tahun 1988.

Setakat itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Gopeng.

5.16ptg.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 00200 Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan 00300 Memperbaiki Kemudahan-kemudahan Kesihatan di muka surat 164.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian Kesihatan kerana memperuntukkan kira-kira \$51 juta untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan kesihatan bagi tahun 1988 berbanding dengan kira-kira \$19 juta untuk tahun 1987. Ini bererti bahawa pertambahan lebih daripada dua kali ganda untuk tahun 1988. Saya kira ini satu tanda pihak Kementerian menyedari betapa pentingnya kemudahan kesihatan serta masalah-masalah yang kita hadapi dalam bidang kesihatan.

Sebagaimana kita sedia maklum, pihak Kementerian sedang mengambil langkah-langkah yang munasabah

untuk memperbaiki perkhidmatan serta juga kemudahan kesihatan khususnya di kawasan luar bandar dan saya rasa usaha ini perlu diberi sanjungan tinggi. Namun demikian pada keseluruhannya kawasan luar bandar boleh dikatakan masih menghadapi dua masalah utama dalam soal kesihatan. Yang pertama, kemudahan-kemudahan kesihatan masih tidak begitu mencukupi; yang kedua, perkhidmatan kesihatan yang diberikan masih kurang memuaskan.

Sebagai satu contoh, di kawasan Gopeng, sebenarnya diseluruh kawasan Gopeng cuma ada satu pusat kesihatan yang terletak di Kampung Lawan Kuda. Kemudahan ini tentunya tidak mencukupi bagi satu kawasan yang begitu luas dan begitu ramai penduduk-penduduknya. Selain daripada itu, klinik-klinik bergerak juga kurang memuaskan perkhidmatannya. Kini klinik bergerak itu membuat lawatan sekali seminggu sahaja ke satu-satu tempat di Gopeng. Ada tempat di lawati dua kali sebulan dan klinik-klinik bergerak itu dikendalikan bukan oleh doktor tetapi oleh pembantu-pembantu hospital sahaja.

Tuan Pengerusi, untuk memperbaiki mutu kemudahan dan perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar, maka saya ingin membuat beberapa syor:

- (i) saya mengharapkan pihak Kementerian dapat memperbesarkan pusat kesihatan yang sedia ada di kawasan luar bandar dan menempatkan seorang doktor di setiap pusat kesihatan itu. Kini kita dapati ada banyak tempat, banyak pusat kesihatan itu tidak ada doktor;
- (ii) menubuhkan lebih banyak lagi pusat kesihatan, sebaik-baiknya satu pusat di tempat yang mempunyai seramai 10,000 orang penduduk;

(iii) di mana penduduk-penduduk seramai kira-kira 2,000 orang ditubuhkan Klinik Bidan ataupun Klinik Desa kerana pada masa sekarang banyak tempat yang sudah mempunyai seramai 2,000 orang penduduk tetapi masih belum ada Klinik Desa ataupun Klinik Bidan; dan

(iv) saya harap kekerapan lawatan Klinik Bergerak itu dipertingkatkan. sekurang-kurangnya lawatan itu dibuat dua kali seminggu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada muka surat 159, Maksud Bekalan 34, Butiran 020000 berhubung dengan Perkhidmatan Kesihatan Awam.

Satu perkara yang sering kita dengar kebetakanan ini iaitu mutu perkhidmatan kesihatan awam makin merosot dan perkhidmatan kesihatan swasta menjadi makin mahal. Tidak perlu saya berikan apa-apa contoh di sini. Saya percaya sesiapa yang ada pengalaman melawat klinik swasta menyedari hakikat ini.

Saya bimbang satu hari nanti ramai dari kita tidak mampu menanggung kos ataupun belanja perubatan kalau jatuh sakit, apatah lagi golongan berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Kesihatan memikirkan langkah-langkah jangka panjang untuk menyelesaikan masalah ini.

Pada pandangan saya salah satu cara ataupun langkah yang berkesan yang perlu diberikan pertimbangan ialah mewujudkan suatu sistem Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan (National Health Service) untuk memastikan golongan berpendapatan sederhana dan golongan berpendapatan rendah mendapat perkhidmatan kesihatan yang tidak mahal tetapi memuaskan.

Tuan Pengerusi, itu sahaja dan saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

5.23 *ptg.*

**Tuan Mohamed bin Haji Isa (Kuala Kerail:** Tuan Pengerusi, saya menyentuh muka surat 164, Maksud Pembangunan 34, Butiran 002000 Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan 003000 Memperbaiki Kemudahan-kemudahan Kesihatan.

Tuan Pengerusi, sebelum daripada itu, saya sukalah mengambil kesempatan yang pertama untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kakitangan Kementerian Kesihatan di seluruh negara ini yang telah memberi perkhidmatan menjaga kesihatan rakyat terutama sekali bagi kawasan luar bandar.

Peruntukan yang disediakan merupakan satu peruntukan yang besar yang mana Kementerian ini telah berada di bilangan yang kelapan dalam Anggaran Belanjawan bagi tahun 1988.

Apa yang saya hendak sentuh ialah supaya usaha-usaha bagi menjamin kesihatan rakyat di seluruh negara ini dapat dipertingkatkan lagi supaya Kementerian ini dapat mengkaji dalam segi untuk mengawal dan menjaga kesihatan daripada memberi rawatan-rawatan kepada pesakit-pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya mengawal kesihatan adalah lebih penting daripada kita menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan. Misalnya kita mengadakan hospital atau rumah-rumah sakit yang berharga berjuta-juta ringgit, kita mengadakan klinik-klinik atau pusat-pusat kesihatan yang berharga beratus ribu, sedangkan kawalan kesihatan bagi penduduk-penduduk itu tidak

dapat dikawal, maka peruntukan yang dihabiskan untuk membina tempat-tempat kesihatan itu tidak akan memberi hasil ataupun makna.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini satu perkara yang saya berharap dan meminta supaya Kementerian Kesihatan dapat membuat kajian dengan cara teliti dan pengawasan yang agak ketat untuk mengelakkan daripada merebaknya penyakit-penyakit berjangkit yang dibawa oleh pendatang-pendatang haram.

Kalau kita lihat dalam penyata atau kenyataan yang pernah dikeluarkan satu ketika dahulu penyakit-penyakit berjangkit seperti malaria dan lain-lain lagi begitu kurang di negara kita tetapi setelah pendatang-pendatang haram masuk ke negara kita begitu ramai, sama ada daripada negara Thailand ataupun lain-lain negara mereka ini membawa penyakit-penyakit atau kuman-kuman penyakit terutama sekali seperti malaria dan lain-lain lagi dan apabila mereka berada di sini penyakit yang dibawa itu telah berjangkit kepada rakyat di negara kita dan pendatang-pendatang haram ini pula berada bukan sahaja di satu tempat, bahkan di seluruh negara kita ini. Maka ini adalah menjadi tanggungjawab untuk kita mengatasi apakah cara untuk mengelakkan mereka ini membawa penyakit, terutama sekali Kementerian haruslah bekerjasama dengan lain-lain Jabatan Kerajaan, misalnya Polis ataupun Imigresen untuk mengadakan gerakan operasi di seluruh negara di mana pusat-pusat pendatang haram ini berada atau duduk di negara kita.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan kemudahan-kemudahan di rumah-rumah sakit daerah, saya dapati amat menyedihkan kerana kebanyakan rumah-rumah sakit daerah ini tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup lengkap. Misalnya saya

beri contoh di Hospital Kuala Kerai, pertama sekali saya tengok kekurangan doktor.

Keduanya. tempat-tempat rawatan pesakit yang diduduki oleh doktor atau bilik-bilik rawatan itu amatlah sempit dan ini menyedihkan kita sekali kerana para doktor tidak boleh memberi perkhidmatan atau perhatian yang cukup untuk memberi rawatan.

Dalam soal ini saya telah juga sebagaimana rakan saya yang sebelum daripada ini membaca dalam senarai hospital-hospital dan peruntukan-peruntukan yang disediakan. walaupun di Hospital Kuala Kerai telah pun dijanjikan oleh Kementerian ini dalam Jawapan Bertulis pada bulan yang lepas akan dibina tambahan katil-katil di wad-wad di Hospital Kuala Kerai itu pada tahun 1988 (pada bulan Jun) tetapi dalam peruntukan yang disediakan ini nampaknya tidak tercatat Hospital Kuala Kerai. Walaupun demikian, saya berharap jaminan dan perakuan yang diberi oleh Kementerian Kesihatan. oleh Menteri dalam Dewan ini pada bulan lepas, Hospital Kuala Kerai itu dapat diwujudkan tambahan katil bagi kesempurnaan pesakit-pesakit di kawasan itu.

Begitulah juga di hospital Kuala Kerai ini, Tuan Pengerusi. oleh kerana amat jauh dengan Hospital Besar Kota Bharu ataupun Hospital di Kubang Krian, sekiranya ada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan kepakaran, maka adalah saya cadangkan supaya doktor-doktor pakar dapat diadakan perkhidmatannya di Hospital Kuala Kerai untuk memberi perkhidmatan kerana Kuala Kerai adalah merupakan satu kawasan yang luas yang tiga suku daripada Negeri Kelantan, ada dari Kuala Kerai ke Gua Musang, dan saya percaya dengan adanya pakar perubatan di Hospital ini akan memberi perkhidmatan bukan sahaja untuk Kuala Kerai dan juga untuk jajahan Gua Musang.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita dapati di dalam akhbar-akhbar dan percakapan-percakapan yang mana Pembantu-pembantu Kanan Perubatan di negara kita ini tidak dibenarkan memberi ubat kepada pesakit-pesakit.

Dalam soal ini, Tuan Pengerusi. saya memang sedar di atas kesulitan yang dihadapi oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk mengatasi kekurangan para doktor-doktor di seluruh negara kita. Maka kalau selama ini Pembantu Kanan Perubatan dibenarkan untuk memberi ubat kepada pesakit-pesakit luar ataupun pesakit-pesakit yang datang ke pusat-pusat Kesihatan, ke hospital dan sebagainya yang tidak ada doktor, maka saya sukalah mencadangkan supaya dapat Kementerian Kesihatan mengkaji semula sekiranya tegahan itu dilakukan kepada Pembantu-pembantu Kanan Perubatan ini, dan jika perlu, untuk mengatasi kekurangan para doktor ini Pembantu Kanan ini diberi kursus yang khusus supaya mereka dapat memberi perkhidmatan dan memberi ubat-ubat untuk mengelakkan daripada, pertamanya, kesesakan di pusat-pusat Kesihatan dan juga untuk mengelakkan daripada orang ramai atau nasyarakat dan rakyat berulang alik untuk mendapatkan pengubatan kerana rakyat sendiri tidak mengetahui apabila sahaja mereka datang ke Pusat Kesihatan, atau ke hospital, mereka ini berkehendakkan ubat, mereka tidak tahu siapa yang memberi ubat dan memeriksa mereka. Maka dengan sebab itu Pembantu Kanan Perubatan ini diberi latihan yang khusus supaya sekurang-kurangnya mereka ini dapat membantu kerja-kerja dalam segi pembahagian ubat yang sepatutnya dilakukan oleh para doktor sekalian. Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Jangan masuk perkara baru.

**Tuan Mohamed bin Haji Isa:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dengan ini saya sukalah menyokong peruntukan bagi Kementerian Kesihatan bagi tahun 1988.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Seremban.

5.33 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, saya merujuk muka surat 159 Butiran 010000, Program 020300.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang wujud di negara kita, begitu juga di negara-negara lain dalam Asia satu ancaman kesihatan yang serius dalam bentuk hipertitis B, satu virus jangkitan hati. Ia adalah satu jangkitan yang lebih merbahaya daripada penyakit denggi. Ramai orang yang mengidap virus ini telah mati dan kepada mereka yang berjangkit dengan virus ini, 10% dari mereka akan menjadi pembawa yang mana tempoh kehidupannya akan pendek dan akan mati dari chronic liver failure, dengan izin, atau dari kanser hati.

Tuan Pengerusi, di negara kita Malaysia kesan-kesan hipertitis B adalah tinggi dan menurut anggaran yang telah dibuat oleh Jabatan Perubatan Universiti Malaya, mereka mengesahkan kesimpulan yang telah dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dengan izin. pada tahun 1980 yang mengatakan 70%-95% dari penduduk-penduduk Asia telah dijangkiti dengan penyakit tersebut. Berdasarkan kepada anggaran di atas, terdapat lebih-kurang 1.5 juta pembawa Hepatitis B di negara kita. Kaum Melayu dan Cina adalah merupakan golongan yang mudah dijangkiti dengan Hepatitis B, manakala bagi kaum India pula keadaan adalah sebaliknya. Anak-anak dari ibu-ibu yang merupakan

pembawa penyakit ini adalah mudah diserang penyakit ini dan wujud sebanyak 45% bayi-bayi kecil yang telah diserang penyakit Hepatitis B dalam tingkungan umur dari 1 bulan-3 bulan dan 95% dari mereka akan menjadi pembawa penyakit Hepatitis B, dengan izin, carriers.

Kesemua ini adalah merupakan faktor-faktor yang sudah diketahui dan berdasarkan kepada bahayanya penyakit ini kepada orang ramai, adalah merupakan tugas saya untuk meyeru Yang Berhormat Menteri Kesihatan melaksanakan satu kempen pelalian secara besar-besaran. Kementerian Kesihatan telah menegaskan bahawa kempen tersebut tidak dilaksanakan kerana kos yang tinggi untuk vaksin Hepatitis B itu, tetapi ini tidak lagi berlaku.

Untuk pembelian yang besar, satu dose vaksin adalah di antara harga \$2.50-\$5.00. Untuk suntikan pelalian yang lengkap, iaitu 3 dose diperlukan, dan harga untuk mendapatkan dose adalah di antara \$7.50-\$15.00. Tiap-tiap tahun lebih kurang 500,000 bayi dilahirkan di negara kita. Jadi, jumlah yang diperlukan untuk setiap tahun tidak melebihi \$10 juta, dikira bersama dengan kos pengurusan. Ini adalah jumlah yang kecil untuk memastikan pembebasan dari penyakit Hepatitis B untuk 500,000 bayi yang dilahirkan setahun. Kelewatan yang berlanjutan untuk mengadakan pelalian secara besar-besaran adalah merupakan satu perbuatan "criminal negligence" dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan sudah tentu tidak akan senang hati sekiranya setengah dari 500,000 bayi yang baru dilahirkan dijangkiti dengan Hepatitis B dan yang mereka akan mati pada umur yang muda.

Tuan Pengerusi, saya merujuk muka surat 159—Butiran 010000, Program 010100—Pentadbiran Ibu Pejabat.

Berkenaan dengan cadangan oleh Jawatankuasa Perubatan Malaysia (MMC) dengan ini, untuk membenarkan hospital swasta menjalankan pengiklanan. Saya mahu memberi sedikit pandangan saya.

Cadangan oleh MMC untuk membenarkan hospital swasta menjalankan pengiklanan telah mengejutkan kesemua doktor-doktor dalam bidang perubatan. Ramai di antara mereka bimbang akan kesan-kesan negatif yang bukan sahaja dihadapi oleh doktor-doktor, tetapi juga oleh orang-orang awam iaitu pesakit-pesakit yang telah dirawat dan dijaga oleh doktor-doktor masing-masing. Pesakit-pesakit yang sama ini juga pada masa depan akan melihat doktor-doktor swasta lebih berminat mengiklankan perkhidmatan mereka dan mencari keuntungan daripada merawat dan mendengar masalah kesihatan pesakit-pesakit mereka. Sehingga sekarang wujudnya satu hospital swasta yang telah mendahului hospital-hospital swasta yang lain dalam menjalankan pengiklanan. Pusat Perubatan Tawakkal telah mengiklankan "services" atau perkhidmatan-perkhidmatannya dalam "yellow pages" dengan izin. Ini telah secara jelas menunjukkan pada masa depan bidang perubatan adalah merosot tarafnya sehingga menjadi satu tempat pemasaran. Hospital swasta mendakwa mereka berhak untuk menjalankan kegiatan pengiklanan kerana mereka telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam pelaburan. Mereka juga berkata orang ramai berhak untuk mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada di hospital-hospital mereka dan hak tersebut dapat dipenuhi oleh mereka dengan sebaik-baiknya melalui pengiklanan (advertisement) dengan izin.

Pada masa dahulu hospitat-hospital yang baik tidak pernah mengiklankan servis-servis mereka dan mereka

masih boleh terus hidup. Para doktor dan pesakit tahu di mana mereka berada. Doktor-doktor yang baik juga tidak perlu menjalankan pengiklanan dan mereka terpaksa menanggung risiko yang tinggi kerana membelanjakan wang simpanan mereka untuk menyediakan klinik mereka.

Mereka juga tidak meminta MMC untuk pertolongan. Pengguna-pengguna di Amerika Syarikat sedang mengalami penderitaan akibat kegiatan commercial dalam bidang perubatan. Mereka terpaksa membayar lebih untuk rawatan kerana mereka ditanggung dengan kos pengiklanan yang tinggi itu dan dalam tahun 1987 lebih kurang AS\$500 juta telah dibelanjakan bagi pengiklanan. Saya menggesa Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya jangan lagi memanjakan hospital swasta yang bernilai berjuta-juta ringgit yang mana ia boleh menghalau rakyat jelata dengan teknologinya yang tinggi dan alat-alat perubatan yang mahal. Tidak dapat dinafikan alat-alat ini boleh menyelamatkan nyawa dan ia juga sesuai dengan rancangan menswastakan Kementerian Kesihatan, tetapi kegunaan mereka sampai ke takat itu sahaja.

Walau bagaimanapun tanggungjawab utama dalam penjagaan kesihatan adalah untuk mencegah penyakit-penyakit dari berjangkit dan merawat rakyat jelata terutamanya dari golongan yang miskin yang tidak mampu membayar rawatan di hospital yang mahal. Rawatan peringkat awal, dengan izin, premedic care, oleh doktor-doktor dan kakitangan perubatan boleh mengatasi masalah-masalah kekurangan zat makanan, rawatan ibu-ibu dan kanak-kanak. Rawatan peringkat awal ini ialah memainkan peranan yang utama untuk mencegah penyakit-penyakit jantung dan pengesanan awal penyakit cancer yang

merupakan pembunuh utama dalam dunia yang moden ini dan dalam negara kita juga.

Tuan Pengerusi, akhirnya pengiklanan dengan segala implikasi dan ugutan terhadap kejujuran dan kehormatan bidang perubatan tidak patut dibenarkan, ia akan demoralise, dengan izin, semua doktor dalam bidang perubatan sama ada dia adalah pengamal perubatan doktor ataupun surgeon, dengan izin. Ia juga akan membahayakan tahap yang tinggi dalam rawatan utama (primary care) di negara ini, ia juga boleh memberhentikan pemberian jagaan kesihatan yang baik kepada rakyat jelata. Demikian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Larut.

*5.44 ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Larut);** Tuan Pengerusi, saya suka berucap sedikit sahaja dan saya merujuk kepada muka surat 164, Maksud P.34, Kementerian Kesihatan, Butiran 00200, tajuk Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, Butiran 00300 Memperbaiki Kemudahan-kemudahan Kesihatan dan Butiran 00400 Hospital-hospital.

Saya rasa tidak payahlah saya bercakap banyak atas Butiran itu kerana saya hanya menyokong ucapan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Maran, Gopeng, Kuala Kerai, Bakri dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Oleh yang demikian saya suka membawa satu perkara yang mana sering saya dapat sungutan mengenai perkhidmatan hospital iaitu mengenai penyakit buah pinggang.

Tuan Pengerusi, perkara ini sering dibawa kepada orang ramai umpamanya hospital-hospital di Taiping, Ipoh, Kota Bahru dan di

Johor Bharu tidak mempunyai mesin dialysis iaitu sakit buah pinggang. Kedapatanlah bahawa penyakit orang-orang yang mengidap penyakit ini terpaksa semuanya datang ke Kuala Lumpur iaitu kerana di sana ada Department of Neurology untuk mengubati penyakit kidney ataupun buah pinggang ataupun batu karang dalam Bahasa Melayu.

Jadi saya berharap Kementerian Kesihatan akan menempatkan mesin-mesin dialysis ini di hospital-hospital lain, kalau tidak di semua hospital dan daerah-daerah seperti di Hospital Ipoh, Kota Bharu, Johor Bahru dan ibu-ibu negeri, kerana apa saya berkata demikian penyakit buah pinggang ini bukanlah hanya dihadapi oleh orang-orang kaya sahaja bahkan orang miskin pun ketika ini ada yang sakit buah pinggang seperti di kampung-kampung.

Jadi mereka menghadapi masalah yang besar apabila doktor dari Taiping umpamanya mengatakan mereka terpaksa pergi ke Kuala Lumpur kerana di Kuala Lumpur biasanya kalau ada pesakit yang hendak dirawat terpaksa membawa seorang atau dua orang waris untuk menjaganya di samping doktor-doktor lain yang juga menjaganya. Dengan yang demikian bagi orang-orang yang susah dan berpendapatan kecil terpaksa pulalah menyewa tempat-tempat tidur ataupun mengeluarkan banyak wang untuk belanja sampingan.

Tuan Pengerusi, memanglah Kerajaan berhasrat untuk memberi perkhidmatan kesihatan dan lain-lainnya kepada penduduk di luar bandar tetapi dukacita bahawa kita telah merdeka 30 tahun, Kerajaan ataupun Kementerian berkenaan masih belum berupaya untuk membeli mesin-mesin dialysis ini untuk ditempatkan di hospital-hospital di ibu negeri-ibu negeri dengan kakitangan-kakitangannya yang cekap.

Saya juga bertanya di Hospital Ipoh kenapakah mesin dialysis ini tidak ada, katanya tidak ada pegawai-pegawai yang cekap dan tidak ada orang-orang yang terlatih. Oleh yang demikian saya berharap Kementerian akan mengambil langkah dengan segera berhubung dengan masalah ini. Jadi biarlah tiap-tiap hospital itu dianggapkan mempunyai satu mesin dialysis dengan pegawai-pegawainya kerana kalau kita tinggal di England umpamanya bukan mesti kita pergi ke Hospital Besar di London. Di England di hospital-hospital kecil seperti di Wales umpamanya orang-orang kampung di situ dapat pergi ke hospital yang mempunyai alat yang sama.

Jadi saya rasa untuk membina hospital yang besar seperti Hospital Kuala Lumpur telah menjadi seolah-olah bandar kita pun sesat, kalaulah orang-orang kampung yang sakit pinggang tadi datang ke Hospital Kuala Lumpur mungkin ianya mati sebelum menemui di mana adanya wad dialysis tadi.

Tuan Pengerusi, saya berharap perkara ini akan diambil langkah oleh Kementerian dengan serius bukan "seriuh".

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Kementerian berkenaan kerana kini sedang membina sebuah Hospital Desa di Selama iaitu dalam Bahagian Larut dengan kos lebih kurang \$21 juta. Walau bagaimanapun saya berharap biarlah hospital ini mempunyai mesin dialysis dan mempunyai pegawai-pegawai cekap dan terlatih, bersopan santun supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kerana pada masa ini sebagaimana Timbalan Menteri tahu, orang-orang di kawasan saya terpaksa pergi ke Kulim ataupun pergi ke Taiping yang mana jauhnya hampir 50 atau 60 kilometer. Kadangkala kita terdapat bahawa pesakit-pesakit tadi

mereka meninggal dunia di tengah jalan kerana hospital begitu jauh. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada Kementerian berkenaan kerana mengambil berat dalam mendirikan hospital baru itu. Oleh yang demikian tidak banyak yang saya hendak tambahkan, bahkan saya suka mohon menyokong peruntukan yang diberi itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Serian. Dia pandai buat "suspense"!

5.48ptg.

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak (Serian):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih oleh kerana diberi peluang untuk mengikut perbahasan . . . . .

Tuan Pengerusi: Masuk terus, tidak usah terima kasih. Kita tidak ada masa lagi. Sila teruskan.

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: . . . . .atasanggaran bagi tahun 1988 untuk Kementerian Kesihatan. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.34, Butiran 020000 Perkhidmatan Kesihatan Awam, Program 020100 Kesihatan Diri, 020200 Kesihatan Alam Sekeliling, 020300 Pencegahan dan Kawalan Penyakit-penyakit Berjangkit, muka surat 159.

Kesihatan sangatlah penting untuk negara kita yang membangun oleh kerana kalau rakyat sihat negara maju.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat teruskan kepada perkara yang hendak dicakapkan itu. Jangan kata kesihatan itu amat penting—kita tahu itu.

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:** Di negeri Sarawak, kesihatan belum lagi tercapai seperti apa yang ada di Semenanjung ini. Perhubungan kebanyakan penduduk-penduduk

dengan pusat-pusat kesihatan, hospital-hospital dan klinik-klinik adalah tersekat oleh kerana perjalanan ke situ dari kampung-kampung sangatlah jauh dan sulit. Klinik-klinik desa kebanyakannya mempunyai seorang Pembantu Hospital (HA), seorang pembantunya, dresser, dua orang jururawat dan seorang atau dua orang pelayan. Sewaktu bertugas di luar klinik misalnya di kampung-kampung di mana pegawai-pegawai perubatan diperlukan melawat kampung-kampung itu, seorang Jururawat dan seorang pelayan pergi dengan Pembantu Hospital, dan yang tinggal hanya seorang dresser dan beberapa orang sahaja kakitangan klinik. Mereka ini bekerja dengan teruk untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang begitu ramai dan yang datang dari beberapa buah kampung di sekeliling klinik dan di bawah jagaan klinik itu.

Kebanyakan mereka meminta rawatan cepat oleh kerana mereka hendak balik ke kampung mereka yang jauh dan menggunakan jalan kaki. Oleh kerana itu saya fikir rawatan tidak dijalankan dengan sempurna oleh kerana pemeriksaan tidak dibuat dengan teliti atau kadangkadangkang tidak dibuat sama sekali. Hanya pesakit itu diberi 6 atau 8 biji Panadol sahaja. Alangkah susah-payahnya pesakit-pesakit itu ke klinik itu dan menunggu herjam-jam hanya diberi rawatan itu sahaja iaitu mendapat 6 atau 8 biji Panadol sahaja. Oleh kerana itu, banyak orang-orang kampung tidak mahu pergi ke klinik dan mereka makan atau menggunakan ubat yang mereka, dapat dari kedai di mana mereka tidak tahu ubat itu menyemboh di masa jangka pendek dan membawa keburukan di jangka masa yang panjang. Ada juga yang makan ubat sampai mereka tertagih oleh kerana mereka kata, kalau tidak makan ubat itu mereka merasa tidak segar. Untuk mengatasi keadaan

seperti ini berterusan. saya harap Kementerian memberi banyak peruntukan bagi membuat klinik-klinik desa, menambahkan kakitangan perubatan dan membuat atau menambah banyak lagi klinik-klinik bergerak di luar bandar.

Tuan Pengerusi, sampah sarap sangatlah membimbangkan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di hilir sungai kerana sampah sarap kalau buruk dan mengalir ke hilir ini membuat kesusahan kepada mereka yang duduk di hilir kerana mereka dapat air minum dan air makan dari sungai itu. Apabila sampah sarap yang dibuang itu menjadi buruk, air hujan membawanya mengalir ke hilir, orang-orang yang tinggal di hilir menjadi mangsa. Mereka termakan dan terminum air yang begitu kotor. Tidakkah baik kalau Kementerian Kesihatan menyelaraskan semua Kerajaan Tempatan, Majlis-majlis Daerah supaya mereka membuat lubang besar yang tidak diacap air untuk tempat membuang sampah-sampah dan sampah-sampah yang dibuang di situ mestilah disembur dengan racun pembunuh kuman-kuman atau lalat-lalat.

Di Pekan Terudok di kawasan Serian, dahulu ada pernah diadakan kempen kebersihan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pegawai dan kakitangan Kerajaan di situ semua ikut mengambil bahagian dalani kempen tersebut. Mereka kumpul semua sampah sarap dan mencuci pekan itu dengan air yang dipam dari sungai. Apa yang terjadi ialah Kampung Tebedok yang di hilir, yang hanya beberapa kilometer sahaja tidak mempunyai punca air selain daripada sungai itu yang menderita beberapa hari kemudian. Sungai itu kotor dan keroh . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, adakah itu di bawah Kepala ini, Kepala Kementerian hendak

menegahkan orang jangan buang sampah ke sungai? Adakah di bawah Kementerian ini?

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:**  
Ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Di mana, di muka mana itu?

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:**  
Saya ingat ya, kerana itu bersangkutan dengan penyakit-penyakit.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kesihatan. Tetapi hendak menegahkan orang daripada membuang sampah itu, melainkan ada undang-undang. Saya rasa, tidak ada lagi undang-undang tidak bagi sampah dibuang dalam sungai. Minta cakap lain.

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:**  
Oleh kerana itu, saya fikir di Kampung Tebedok itu perlu diadakan paip air kerana pada masa dahulu, saya ingat satu ketika dahulu kampung ini dialami wabak penyakit taun. Apabila penyakit taun itu menyerang di situ pada awal tahun 80an, Kementerian Kesihatan hendak membuat paip air, tetapi hingga sekarang belum lagi ada paip air.

Begitu juga bekalan air ke Kampung Reyang di daerah Serian patut dibuat dengan segera oleh sebab sudah ada paip besar dari Serian ke Takhi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, paip air di bawah Jabatan Kerjaraya, bukan dalam ....

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:**  
Saya fikir bersangkutan dengan kesihatan.

**Tuan Pengerusi:** Dia bersangkutan, tetapi tugas itu ialah tugas JKR buat paip air itu.

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:**  
Tetapi saya fikir .....

**Tuan Pengerusi:** Tunggu. bercakap dalam JKR.

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:**  
Kalau begitu, saya beralih kepada Butiran 040000, Program, Perkhidmatan Pergigian. Program Kecil 040100 Perkhidmatan Rawatan Pergigian Diri. 040900 Pentadbiran Pergigian, muka surat 160 dan 161. Gigi kita "sangatlah penting kerana kalau tidak ....

**Tuan Pengerusi:** Ya, kita tahu kita tahu. (*Ketawa*) Teruskanlah apa yang hendak dikatakan. Kita tahu Kementerian Kesihatan pun tahu tentang itu.

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:**  
Di negeri Sarawak saya ingat kebanyakan budak-budak sekolah, lebih-lebih lagi yang di luar bandar tidak mendapat perhatian teliti untuk pencegahan kerosakan gigi. Ini saya alami dari penduduk di luar bandar kerana banyak budak-budak sekolah di luar bandar tidak pernah dikunjungi atau diberi rawatan daripada pegawai perubatan pergigian. Pada satu ketika dahulu PIBG sekolah menengah Kerajaan di Balai Ringin memohon supaya doktor pergigian atau klinik pergigian diadakan di tempat-tempat itu tetapi jawapan yang kami dupat di sana ialah tidak ada cukup jururawat dan pegawai-pegawai perubatan pergigian, dan ini saya mencadangkan ini patut ditambah supaya budak-budak sekolah tidak menghadapi sakit gigi-

Dengan itu. sekian saya harap Kementerian mengambil berat perkara ini dan saya harap kita semua mendapat nikmat dari perubatan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Simunjan. Saya nampak ada 4 orang lagi, kalau pendek-pendekkan ucapan, kesemua boleh bercakap; kalau panjang-panjang, semua tak boleh.

6.00 ptg.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Pengerusi, saya tak panjang, mungkin ada yang panjang tetapi saya berucap tak panjang. (Ketawa)

Tuan Pengerusi, saya menyentuh tajuk 00400 di bawah Maksud Pembangunan P.34, iaitu Perkhidmatan Hospital-hospital di negara kita dan luar bandar dan juga peruntukan pembangunan yang diberi di bawah Maksud ini. Saya lihat bahawa peruntukan bagi tahun 1988 adalah lebih jauh kurang daripada tahun 1987; tahun 1988 \$17,379,480 manakala tahun 1987 \$30,693,200. Jadi ertinya perbezaan ini begitu besar sedangkan walaupun kita sudah katakan ini untuk memperbaiki hospital-hospital, tetapi saya rasa Kerajaan perlu menambah. Walaupun Perbelanjaan Mengurus itu ditambah, tetapi Perbelanjaan Pembangunan itu tidak ditambah. Jadi, saya mencadangkan supaya jumlah ini seharusnya dikaji semula supaya hospital di luar bandar terutama sekali dapat ditambahkan dengan kemudahan yang perlu untuk kepentingan masyarakat di luar bandar.

Satu lagi saya lihat Pusat Kesihatan Daerah Simunjan, kawasan saya, hanya \$10 untuk tahun 1988. Jadi ini sungguh mengecewakan walaupun setakat 1988 kerana saya difahamkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelima insya Allah, Dato' Pathmanaban kata, insya Allah, akan diberi sebuah hospital. Saya harap hospital di daerah Simunjan ini akan menjadi kenyataan, sedikit-tidaknya dalam Rancangan Malaysia Kelima dan saya mohon pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti memberi penjelasan mengenai hospital ini. Saya bercakap mengenai ini bukan kerana apa, saya Wakil Rakyat kawasan Simunjan, jadi

terpaksa saya berjuang untuk rakyat dari Simunjan dan selepas itu .....

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya tahu itu. (Ketawa)

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Satu lagi saya tengok pusat-pusat kesihatan begitu banyak di Sarawak, tempat lain semua hospital. Jadi di Sarawak begitu banyak pusat kesihatan, jadi seolah-olah menunjukkan bahawa Sarawak itu ketinggalan berbanding dengan tempat-tempat lain. Kalau dapat, pusat kesihatan sedikit-tidaknya dalam Rancangan Malaysia Kelima ditukar menjadi hospital daerah, itu menunjukkan bahawa perubahan, iaitu meninggikan taraf supaya pusat-pusat kesihatan ini akan dijadikan hospital-hospital daerah di kawasan luar bandar seperti ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya hendak sentuh ialah mengenai apa yang saya lihat di Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Besar Kelang semasa saya melawat pesakit-pesakit di situ. Apabila pesakit dari Sarawak datang ke Hospital Besar, mereka dibenarkan pergi dengan orang yang mengiring, seorang diberi tambang selain daripada pesakit, kadang-kadang dua orang. Kalau yang sakit itu anak kecil umur 10 tahun, 5 tahun, yang pergi mengiring ialah ayah ataupun ibu ataupun kedua-duanya ataupun abang.

Jadi yang menyedihkan ialah sama ada mereka sakit jantung, sakit buah pinggang dan sebagainya, tetapi yang menyedihkan ialah mereka ini tinggal di segenap tempat di hospital tanpa tempat yang sesuai, lebih-lebih lagi apabila anak itu ditempatkan di wad yang tidak dibenarkan sesiapa menemani anak itu Bersama. Jadi, saya rasa pihak Kementerian meneliti perkara ini supaya janganlah mereka ini dibiarkan tinggal di segenap

tempat, ada yang tinggal di kaki lima hospital, ada yang tinggal di kawasan longkang memang ada, jadi ini menyedihkan. Yang tak pernah pergi hospital mungkin dia tak percaya, tetapi saya ini ada kerap juga pergi hospital menziarahi kawan-kawan yang sakit. Kalau dapat pihak Kementerian beri perhatian terhadap perkara ini, mungkin kalau dapat beri peruntukan supaya tempat sesuai disediakan untuk pengiring-pengiring pesakit-pesakit yang datang daripada kawasan luar bandar, terutama sekali daripada Sabah dan Sarawak yang begitu jauh.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya hendak bercakap ialah mengenai muka surat 160, Pentadbiran Rawatan Perubatan. Ini sebenarnya selalu diperkatakan budi bahasa disanjung tinggi. Jadi, kita hendakkan budi bahasa para jururawat, para doktor yang merawat sentiasa diperbaiki kerana ramai yang melaporkan di depan Timbalan Menteri Kesihatan baik, mungkin di depan Menteri baik. sebab itulah Menteri jawab. dia kata semua baik. Menteri Kesihatan kata memang sudah tentu 100%. Kalau dia jawab soalan, kenapa tingkahlaku jururawat tak baik? Dia jawab, baik kerana yang beri jawapan itu ialah jururawat sendiri kepada Menteri dan Timbalan Menteri. Sarna juga dengan saya dahulu semasa di Kementerian Pelajaran, dia beri kepada saya, terpaksa saya bacalah sedikit-sedikit. Jadi, kita hendakkan supaya keadaan ini wujud dengan sebenarnya supaya mereka ini memperbaiki budi bahasa, tingkahlaku kerana ubat yang baik untuk pesakit bukan hanya ubat yang kita beri dalam bentuk pit, minuman ataupun lain-lain, tetapi senyuman mungkin ubat budi bahasa yang baik, layanan yang baik kepada pesakit-pesakit adalah ubat yang mujarab kepada pesakit-pesakit. Jadi, begitu jugalah dengan orang lain, kita mesti tegur sapa, kalau tidak mungkin orang itu tak begitu senang hati terhadap

kita, terutama sekali kepada pesakit kita hendakkan budi bahasa yang tinggi . . . .

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun hendak minta apa?

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Penjelasan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Sila.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa jururawat juga adalah manusia biasa, ianya terdedah kepada beberapa peristiwa yang berlaku kepadanya, marah dan peristiwa-peristiwa harian yang mungkin berlaku dan menimbulkan reaksi tidak puas hati?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Memang sedar, Tuan Pengerusi, tetapi saya kata tadi berusaha untuk memperbaiki. Memang kita tahu itu manusia, tetapi kita hendakkan supaya mereka ini sentiasa untuk perbaiki kerana saya kata ubat itu yang mujarab bukan hanya ubat yang diberi dalam bentuk pil, tetapi senyuman yang manis.

Seri Banang zaman berzaman,

Tempat sejarah gilang-gemilang;

Apa lagi pantun, saya lupa. (*Ketawa*)

Budi bahasa dikenang orang . . .

**Tuan Pengerusi:** Di bawah Kepala apa itu?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Itu pantun. (*Ketawa*)

Sirih dan pinang adat resam,

Budi bahasa dikenang orang.

Itu pantun yang pernah saya nyanyikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Marang. Bolehkah bercakap dalam 5 minit?

6.08 ptg.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang);** Terima kasih, Tuan Pengerusi, tetapi berat 5 minit itu.

Saya ingin bercakap untuk tajuk Perkhidmatan Kesihatan Awam pada halaman 159 dan juga Memperbaiki Kemudahan-kemudahan Kesihatan pada halaman 164. Pertamanya mengenai dengan kadar kematian di Malaysia. Hari ini kita dapati bahawa kadar kematian di Malaysia adalah agak tinggi, baik pada bayi, baik pada kanak-kanak, baik pada ibu bersalin dan kadar kematian bagi bayi, kanak-kanak, ibu bersalin ini jelas amat tinggi bagi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah, Sabah dan Sarawak sehinggakan masa sekarang kita dapati kadar kematian ini lebih tinggi daripada kadar kematian yang sepatutnya. Saya beri perangkaan ini.

Pertamanya, kadar kematian bayi yang berumur antara 0 hingga 1 tahun, sepatutnya kadar kematian kalau dianggap baik ialah 17.49 setiap 1,000 kelahiran hidup, tetapi negeri-negeri yang saya sebutkan tadi tinggi daripada kadar ini.

Yang kedua, kadar kematian kanak-kanak antara 1-4 tahun, sepatutnya kalau ikut yang bagus, 1.45 setiap seribu kanak-kanak tetapi di negeri tersebut lebih tinggi daripada kadar ini, terutamanya di kawasan pedalaman, kerana masa tak ada, saya tak hendak sebutkan.

Yang ketiga, kadar kematian ibu bersalin, sepatutnya yang 3,200 iaitu 0.39 setiap seribu kelahiran hidup. Jadi baik bayi, baik kanak-kanak, baik ibu bersalin di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah, Sabah dan Sarawak mengatasi angka-angka yang telah saya berikan itu. Ini telah

berlarutan begitu lama. Kita minta supaya pihak Menteri hari ini menumpukan supaya kadar kematian itu, kalau tidak boleh diturunkan, lebih daripada angka-angka yang telah diberikan itu, sekurang-kurangnya sama. Oleh yang demikian, kita minta supaya langkah-langkah berikut diambil:

- (i) menambah doktor-doktor yang ada pada hari ini mengikut nisbah perangkaan, seorang doktor terpaksa merawat lebih kurang 3,300 orang. Kalau mengikut yang standard, sepatutnya doktor itu merawat seorang doktor untuk 2,000 orang. Sepatutnya juga sehingga tahun ini kita mempunyai doktor lebih 4,000 orang tetapi yang ada lebih kurang 2,300 doktor sahaja. Sebab itu ramai orang mati;
- (ii) mengenai dengan katil-katil di hospital katil-katil di hospital hari ini yang pada 1.43 katil bagi seribu penduduk. Sepatutnya kalau mengikut nisbah hendak sihat belul. harus ada dua katil setiap seribu orang penduduk. Jadi, yang pertama hospital di tambah, keduanya katil-katil perlulah juga ditambah;
- (iii) saya syorkan supaya nasihat, bimbingan, pendidikan kesihatan ditingkatkan;
- (iv) kita minta penyakit yang berjangkit terutama taun, hepatitis A dan juga kepialu diambil berat dan diambil perhatian.

Kita perhatikan pada tahun ini sejak tiga-empat tahun jumlah penyakit meningkat semula. Apa juga cara yang dibuat, saya nampak tidak berkesan. Penyakit taun, kepialu dan hepatitis A ini menyebabkan ibu-bapa dan juga

yang lain dijangkiti penyakit, kemudian menambahkan lagi angka-angka kematian baik pada orang remaja ataupun bayi dan seterusnya kita minta supaya dikurangkan kesesakan di hospital-hospital.

Pada hari ini di mana-mana hospital dalam Malaysia ini, kalau kita pergi didapati beratus dan berderet orang menunggu sampai dua-tiga ratus pun ada. Keadaan ini menyebabkan tunggu begitu lama, dua-tiga jam perkara biasa, kadang-kadang 4-5 jam. Saya tak tahu apa cerita, mungkin duit tak ada.

Kemudian selain daripada itu juga kita nampak ada tawaran gaji yang lebih lumayan di pihak hospital swasta. Ini menyebabkan doktor-doktor habis sahaja atau tamat tempoh khidmatnya dia lari ke hospital swasta. Kita minta pihak Kementerian Kesihatan memainkan peranan, adakan inisiatif supaya hospital-hospital ini dapat mengekalkan doktor-doktor ini terutama selepas tamat tempoh perkhidmatan, adakan galakan, adakan pencen yang lebih baik, adakan macam-macam kemudahan yang lebih baik.

Seterusnya kita dapati kakitangan hospital pada hari ini tak cukup. Mengikut Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tempoh hari, kalangan profesional dan teknikal sahaja yang tak cukup lebih daripada 10,000 orang. Kalau 10,000 tak cukup, bayangkan berapa ribu rakyat perlukan rawatan. Ini banyak, kalau 10,000 tak cukup, kalau kalikan dengan 100, saya rasa 100,000 orang yang tidak cukup rawatan. Kalau ini berterusan berlaku, saya kira ramailah rakyat Malaysia akan mati. Kemudian, saya juga terlibat bahawa . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Doktor pun mati juga. *(Ketawa)*

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Betul, doktor boleh tahanlah, sebelum dia mati dia tahu merawat.

Kemudian kita That juga sepatutnya hospital-hospital itu meneruskan, meningkatkan latihan, bimbingan, kemahiran pada kakitangan mereka supaya mereka lebih mahir dan lebih menjadi pakar lagi di dalam satu-satu bidang. Pada hari ini doktor dan kakitangan begitu sibuk merawat sehingga kadangkala tidak ada mempunyai peluang ataupun tidak ada masa dan juga tidak diberikan pendedahan untuk merawat pesakit-pesakit yang ada.

Selain daripada itu juga Tuan Pengerusi, saya ingin menekankan kepada Butiran 00300, Memperbaiki Kemudahan-kemudahan Kesihatan pada halaman 164. Pada hari ini orang-orang besar ramai yang sakit jantung, macam-macam cerita, ada yang umur 30 tahun pun sakit jantung, ramai yang mati dan lagi tinggi, lagi besar lagi banyak yang sakit jantung. Malangnya Unit Pembedahan Jantung dalam Malaysia ini sedikit sahaja iaitu ada dua. Satu di Hospital Besar. satu lagi di University Hospital di Kuala Lumpur. Di daerah-daerah lain, baik di Utara, di Pantai Timur ataupun di Selatan tidak ada. Di Sabah dan Sarawak lagi tidak ada, lagi teruk. Jadi. kita tahu bahawa orang sakit jantung ramai. dia tak pilih tempat, dia tak pilih Kuala Lumpur sahaja hendak sakit jantung. Mungkin saya ataupun Tuan Pengerusi pun kena sakit jantung.

Oleh yang demikian, kita minta supaya Unit Pembedahan Jantung ini ditambah lagi terutamanya, satu di kawasan utara, satu di kawasan Pantai Timur, satu di Selatan dan satu di Sabah dan satu lagi di Sarawak—sekurang-kurangnya 5 unit lagi kerana pada hari ini sebenarnya orang sakit jantung bukan semakin kurang tetapi semakin bertambah. Dan dengan

adanya cara-cara, kaedah-kaedah baru, saintifik dan moden, sofistikated dan macam-macam lagi, menambahkan lagi bilangan orang sakit jantung. Oleh yang demikian kita perlulah sama ada pertamanya kita besarkan dua buah hospital yang ada ditambahkan kemudahan, tambahkan peralatan, tambahkan pakar, tambahkan doktor. Dan selain daripada itu, menambahkan Unit-unit Pembedahan Jantung.

**Tuan Pengerusi:** Soalnya hendak tambah duit itu.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Itulah yang hendak dibincangkan. (*Ketawa*) Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya icira peruntukan yang diberikan ini perlulah disokong, perlulah ditambahkan kerana nampaknya beberapa peruntukan di sini dikurangkan. Oleh itu pada budget sekali lagi minta ditambah lagi supaya masalah kesihatan ini akan diambil kira dan juga diambil berat daripada masa ke semasa.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kluang, minta berucap 5 minit.

6.17 ptg.

**Puan Ling Chooi Seng (Kluang);** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 159, Butiran 020000, Program Perkhidmatan Kesihatan Awam dan muka surat 160 Butiran 030000, Program Perkhidmatan Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama tahun lepas, saya telah berdiri di sini meminta Kementerian Kesihatan supaya seorang pakar perubatan ditempatkan di Hospital Daerah Kluang, Johor. Memang benar, bahawa seorang pakar perubatan telah

dihantar ke Hospital Daerah Kluang selepas permintaan dibuat. Tetapi beberapa bulan kemudian, pakar itu meletakkan jawatan. Ini bermakna kini Hospital Daerah Kluang tiada pakar perubatan, maka saya terpaksa berdiri di sini dengan tujuan yang sama iaitu memohon semula seorang pakar perubatan ditempatkan di Hospital Daerah Kluang. Adakah benar Kementerian Kesihatan menghadapi masalah kekurangan pakar dalam bidang-bidang tertentu? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah itu? Adakah kaji-selidik dijalankan untuk mengenalpasti punca utama yang menyebabkan pakar-pakar meletakkan jawatan?

Pada pandangan saya, skim gaji bukanlah faktor utama yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Syarat-syarat perkhidmatan yang lain mungkin tidak begitu menarik. Sekiranya Kementerian Kesihatan kekurangan para pakar dalam bidang gynaekologis, perubatan atau ENT, pihak Kementerian harus menyediakan insentif yang secukupnya bagi pegawai-pegawai perubatan untuk mengikuti kursus-kursus lanjutan. Galakan dan kemudahan harus diberikan kepada para doktor yang ingin melanjutkan pelajaran dengan syarat mereka berkhidmat dengan Kerajaan selepas tamat pengajian, tetapi setahu saya, Kementerian Kesihatan berkeberatan memberikan galakan dan kemudahan kepada para doktor yang berminat untuk melanjutkan pelajarannya. Misalnya seorang doktor bersusah payah mengambil peperiksaan MRCOG. Beliau telah lulus Bahagian I dan masih memerlukan setahun lagi untuk Bahagian terakhir kursus lanjutan itu. Malangnya, dia ditukarkan ke kawasan luar bandar di mana dia tidak dapat menghabiskan kursus kepakaran praktikal.

Oleh yang demikian, beliau telah memohon untuk tinggal di bandar selama satu tahun lagi untuk menamatkan kursusnya. Rayuannya pula ditolak. Pihak yang berkenaan tidak memberi apa-apa sebab kecuali memberitahu dia bahawa mengikut Akta Perubatan, seorang doktor wajib berkhidmat di luar bandar selama dua tahun. Memang benar kawasan luar bandar memerlukan doktor-doktor tetapi doktor-doktor yang tidak mengikuti kursus lanjutan boleh dihantar ke luar bandar. Jika syarat perkhidmatan tidak boleh diubah suai berdasarkan kepada keadaan dan keperluan, harapan seorang doktor yang bercita-cita tinggi untuk menjadi seorang pakar akan berkecai. kerana beliau tidak dapat menamatkan kursus kepakaran yang mempunyai batas umur.

Saya telah diberitahu bahawa para doktor dan kakitangan hospital yang tidak puas hati dengan syarat-syarat perkhidmatan tidak dibenarkan membuat aduan kepada orang lain, contohnya, Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri, untuk mendapatkan sokongan dari mereka. Sekiranya mereka melanggar peraturan ini tindakan tatatertib akan diambil. Saya juga telah diberitahu bahawa Perintah Am (General Orders, Bab "D") melarang mereka berbuat demikian.

Sebenarnya, Kementerian Kesihatan harus mengamalkan sikap yang terbuka. Pihak yang berkenaan tidak patut memperalatkan Perintah Am untuk menakutkan mereka. Jika aduan dibenarkan, kelemahan sesuatu sistem dapat diatasi.

Saya telah diberitahu bahawa tindakan tatatertib telah diambil terhadap seorang kakitangan hospital kerana beliau dapat sepucuk surat sokongan daripada Wakil Rakyat supaya pertukaran beliau

ditangguhkan kerana kesihatan yang kurang baik. Tindakan tatatertib telah diambil kerana kononnya dia memperalatkan pengaruh dari luar atau outside influence or pressure, dengan izin, Tuan Pengerusi, dan gajinya telah dipotong sebanyak tiga hari.

Tuan Pengerusi. saya menggesa Menteri yang berkenaan memberi perhatian yang sewajarnya kepada perkara yang saya bangkitkan tadi supaya kakitangan hospital juga dapat membawa masalah mereka kepada Wakil Rakyat untuk mendapat penyelesaian. Di samping itu saya juga menggesa Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjalankan satu kaji selidik untuk merancang satu program khas bagi para doktor yang ingin mengikuti kursus lanjutan. Mereka patutlah diberi peluang untuk menyempurnakan kursus lanjutan. Tempoh perkhidmatan di luar bandar patutlah ditangguhkan sehingga mereka menghabiskan kursus lanjutannya. Pendek kata, perhatian yang serius harus diberi kepada syarat-syarat perkhidmatan doktor dan pakar supaya mereka terus berkhidmat dengan Kerajaan.

Kita mesti sedar satu hakikat bahawa ramai doktor ingin meninggalkan perkhidmatan Kerajaan, dengan izin, Tuan Pengerusi, the doctors are dying to get out of the Government service. Maka pengaliran yang kurang sihat ini harus disekat. Terima kasih.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** *(Bangun)*

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat tidak sempatlah kedua-dua Yang Berhormat ini untuk bercakap. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.24 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, yang telah menunjuk minat di dalam perhawasan di atas Kepala Belanjawan Kementerian Kesihatan.

Saya memang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Bakri bahawa ada banyak kemajuan yang kita telah mencapai sejak kita sudah merdeka dan tanda-tanda kesihatan itu adalah jelas membuktikannya. Harus saya sebut di sini bahawa kebanyakan kemajuan ini adalah usaha daripada perkhidmatan kesihatan. Tetapi kemajuan dalam beberapa bidang sampingan dan sokongan kesihatan yang lain, seperti bekalan air, perumahan, jalan raya yang tebih baik dan pendidikan yang bertaraf baik dan sebagainya juga menjadi punca untuk kita maju dalam bidang kesihatan. Dan dalam perkara inilah saya ingin menyebut ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Marang yang tadi menyatakan bahawa kadar kematian bayi di beberapa buah negeri adalah buruk dan tidak memuaskan dan sebagainya.

Harus saya sebutkan di sini bahawa perkhidmatan kesihatan yang terdapat di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, Pahang dan sebagainya adalah lebih kurang, "in place", dengan izin, infrastruktur kemudahan kesihatan adalah "in place". Tetapi apa yang membawa kepada keadaan kadar kematian dan kadar penyakit, "morbidity", dan sebagainya yang agak tinggi lebih daripada purata negara adalah keadaan environment atau keadaan alam sekeliling, kekurangan dalam bekalan air, kurangnya responsiveness, dengan izin, kepada pendidikan kesihatan, penerimaan perkhidmatan yang wujud dan sebagainya. Segala ini adalah perkara

yang kita harus memperjuangkan lagi untuk menentukan bahawa kadar kematian dan kadar penyakit di kawasan-kawasan yang disebutkan itu adalah lebih memuaskan. Harus kita mengingati bahawa sebelum kita merdeka, mungkin angka-angka kematian bayi di negeri-negeri seperti Kelantan dan Terengganu adalah lebih baik daripada 100 dalam setiap 1000 kelahiran hidup. Dan jika pada masa ini kita dapat menurunkan angka itu kepada 25 saya rasa ini adalah satu kemajuan yang baik . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Marang bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Saya sangat bangga dan terima kasih ke atas usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan. Tetapi adakah pihak Kementerian Kesihatan menyedari bahawa negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak adalah merupakan negeri-negeri yang paling utama sekali dari segi kekurangan Pusat-pusat Kesihatan, terutamanya di kawasan pedalaman dan Klinik-klinik Bidan. Inilah yang merupakan punca tambahan yang lebih utama daripada apa-apa yang telah disebutkan tadi. Saya menghargai apa yang telah dibuat. Tetapi soalan Klinik Bidan, soal Pusat Kesihatan Kecil, di Terengganu saya ingat nombor satulah dari segi kurangnya. Jadi, apakah langkah yang sebenarnya.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Pengerusi, saya rasa coverage infrastructure kesihatan di negeri Terengganu dan Kelantan tidak boleh disalahkan sebagai punca utama untuk keadaan yang terdapat di situ mengenai penyakit-penyakit merebak dan kadar kematian lebih daripada purata kebangsaan. Tetapi kadar yang

kita mengatakan tinggi itu, di negeri-negeri itu pun telah dapat diturunkan dengan pesatnya, dengan "dramatic", dengan izin.

Saya ingin mengatakan bahawa kekurangan atau penurunan angka tanda kesihatan itu adalah satu yang tidak kurang dramatic di negeri Kelantan, Terengganu, sebahagian Pahang, Kedah dan sebagainya. Dan kita harus terus berusaha bukan sahaja dari segi perkhidmatan kesihatan tetapi juga dari segi kemajuan dalam alam sekeliling, bekalan air khasnya dan sebagainya. Orang Kelantan masih lagi lebih suka kepada TV daripada bekalan air yang bersih. Ada banyak saluran JKR yang telah pun dipasang di kawasan-kawasan Kelantan dan Terengganu yang belum lagi dapat disambung ke rumah-rumah kerana ada masalah-masalah yang mungkin harus difikirkan lebih mendalam untuk kita mengatasi masalah ini. JKR telah dapat memberi bekalan air tetapi sambungan ke rumah-rumah masih belum dapat dihasilkan. Kementerian sedang mengkaji bersama dengan Kementerian Kerja Raya dan Kerajaan Negeri untuk mencari cara bagi kita mengatasinya.

Saya rasa satu punca yang boleh membawa kepada kemajuan yang lebih pesat dalam keadaan kesihatan di negeri-negeri yang disebutkan khasnya Kelantan, Terengganu dan

Sabah adalah bekalan air yang bersih dan selamat kepada kawasan-kawasan ini.

Saya harus juga menyatakan bahawa kematian bayi atau ibu ataupun orang dewasa yang lain tidak boleh diatasi hanya dengan mengadakan doktor atau katil hospital atau klinik. Kematian itu hanya dapat dielakkan jika ada kesedaran yang lebih di kalangan rakyat tentang mendapatkan rawatan secepat mungkin apabila menghadapi penyakit. Apabila taraf pendidikan dapat mengisi mereka dengan pengetahuan kesihatan, cara personal hygiene, dengan izin, yang lebih memuaskannya dan sebagainya, perkara-perkara itu adalah sama penting seperti rawatan dan ubat-ubat yang diberi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok. 25hb November, 1987.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*